



SIPA

Skim Insentif Pertanian Dan Agrimakanan

Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan
Kementerian Perindustrian Dan Sumber-Sumber Utama

JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN

Skim Insentif Pertanian dan Agrimakanan (SIPA)

Sektor pertanian adalah salah satu sektor yang perlu dimajukan bagi menjamin sekuriti makanan Negara, menambah pendapatan rakyat dan berupaya membantu usaha Kerajaan membasmi kemiskinan.

Matlamat strategik yang ingin dicapai ialah untuk meningkatkan tahap sekuriti makanan Negara melalui peningkatan keupayaan dalam pengeluaran komoditi makanan yang menjurus kepada produktiviti yang tinggi, mempunyai nilai tambah, menghasilkan produk yang berkualiti dan selamat, berskala besar, berorientasikan eksport dan mampu bersaing di pasaran domestik dan global.

Skim-skim insentif yang diwujudkan adalah sebagai galakan kepada pengusaha-pengusaha yang bergiat dalam perusahaan sektor pertanian yang merangkumi industri tanaman; industri ternakan; dan industri pemprosesan makanan berasaskan pertanian (agrimakanan) dengan objektif-objektif seperti berikut:

- Untuk mempercepatkan proses pemindahan teknologi pengeluaran kearah meningkatkan produktiviti dan hasil keluaran produk pertanian;
- Untuk menyalurkan input dan kemudahan asas kearah mendokong penghasilan produk pertanian yang kompetitif;
- Untuk menyalurkan informasi berhubung dengan jenis, kuantiti dan kombinasi input yang bersesuaian di dalam sistem perladangan;
- Untuk menggalakan pengusaha tempatan dan pelaburan asing bergiat aktif di dalam industri pertanian.
- Sebagai bantuan kearah mengurangkan kos pengeluaran; dan
- Untuk membantu menstabilkan harga komoditi hasil-hasil pertanian.

Skim Insentif Pertanian dan Agrimakanan terbahagi kepada dua kategori utama, iaitu Insentif Keperluan Asas dan Insentif Keperluan Khusus (Industri Tananam, Industri Ternakan; dan Industri Agrimakanan).

▪ **Insentif Keperluan Asas.**

Kategori ini menyediakan pengusaha-pengusaha samada yang bergiat dalam industri tanaman, industri ternakan ataupun industri agrimakanan kemudahan-kemudahan dalam bentuk tapak-tapak perusahaan atau kemudahan bangunan yang dilengkapi dengan infrastruktur asas (air, elektrik dan jalan).

▪ **Insentif Keperluan Khusus.**

Kategori ini menyediakan kemudahan-kemudahan dalam bentuk bahan-bahan input pertanian ataupun peralatan-peralatan tertentu mengikut jenis-jenis industri pertanian yang diusahakan. Kemudahan bahan-bahan input ataupun peralatan dibantukan secara subsidi bagi membantu meringankan sebahagian daripada kos operasi pengusaha-pengusaha pertanian dan agrimakanan.

A. Insentif Keperluan Asas

Sebagai galakan kepada pengusaha-pengusaha untuk berkecimpung dan memajukan perusahaan-perusahaan dalam **industri tanaman, ternakan dan agrimakanan**, Kerajaan menyediakan insentif keperluan asas dalam bentuk kemudahan tapak perusahaan di bawah program pembukaan dan penyediaan Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP).

Objektif utama adalah untuk memberikan kemudahan kepada pengusaha-pengusaha untuk memulakan perusahaan dalam sektor ini khususnya dari aspek modal dan kos permulaan perusahaan.

Di bawah program KKP, tapak-tapak perusahaan akan dilengkapi dengan infrastruktur asas: jalan laluan masuk, bekalan elektrik, bekalan air, dan pagar keliling pada tapak perusahaan (seperti di **jadual 1**). Kerajaan akan menawarkan kepada pengusaha-pengusaha untuk mengusahakan tapak-tapak KKP secara sewa, dengan kadar sewa minima dan tempoh penyewaan mengikut jenis perusahaan (seperti di **jadual 2**). Tertakluk kepada prestasi dan perkembangan perusahaan yang dijalankan, Kerajaan akan mempertimbangkan sebarang permohonan bagi penyambungan tempoh penyewaan.

Jadual 1: Infrastruktur asas yang dibangunkan di bawah program Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP).

Jalan masuk utama	– Kerajaan menyediakan jalan masuk utama menuju ke tapak perusahaan. Bagi jalan-jalan di dalam ladang, adalah atas perbelanjaan pengusaha sendiri.
-------------------	--

Sistem saliran	– Kerajaan menyediakan saliran utama mengikut jalan masuk utama. Bagi saliran-saliran di dalam ladang, adalah atas perbelanjaan pengusaha sendiri.
----------------	--

Bekalan air	– Kerajaan menyediakan paip utama (<i>main pipe</i>) untuk bekalan air domestik di sepanjang jalan masuk. Bagi penyambungan meter dan
-------------	---

paip-paip yang lainnya menuju ke ladang serta bayaran bil-bil air, adalah atas perbelanjaan dan tanggungjawab pengusaha sendiri.

Pagar keliling	– Kerajaan menyediakan pagar parameter (parameter fence).
Bekalan letrik	– Kerajaan menyediakan kabel utama untuk bekalan letrik di sepanjang jalan masuk utama. Bagi kerja-kerja penyambungan kabel bagi keperluan perusahaan serta bayaran bil-bil letrik, adalah atas perbelanjaan dan tanggungjawab pengusaha sendiri.

Jadual 2: Kadar Sewa Bagi Kegiatan Pertanian Yang Diusahakan Secara Komersial

Jenis Kegiatan	Tempoh sewa (tahun)	Kadar sewa sehektar setahun
Sayur-sayuran	5	\$25.00
Buah-buahan	25	\$25.00
Tanaman tebu	5	\$25.00
Tisu didik	5	\$50.00
Semaian(Bunga, rumput dan lain-lain)	5	\$50.00
Padi	5, 10, 25	\$12.50
Penetasan (hatchery)	10	\$100.00
Ternakan ayam	5	\$100.00
Ternakan kambing	5	\$5.00
Ternakan lembu	10	\$5.00
Ternakan rusa	5	\$5.00
Ternakan itik	5	\$100.00
Sangkar burung layang-layang	5	\$100.00
Rumah penyembelihan (abattoir)	10	\$125.00
Fidlot	10	\$125.00
Agri Mart	10	\$500.00

Syarat Permohonan

1. Pemohon mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Pemohon dibenarkan untuk menjalankan projek secara usahasama (joint venture) dengan pengusaha-pengusaha luar negeri atau penduduk tetap atau kedua-duanya sekali dengan pelaburan sekurang-kurangnya 30% tempatan dan selebihnya daripada rakankongsi.

3. Mempunyai Sijil Pendaftaran Perniagaan Bab 16 & 17 dan hendaklah mengandungi kegiatan pertanian, Sijil Sendirian Berhad atau Sijil Pendaftaran Koperasi atau Syarikat dan berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
4. Mempunyai pengetahuan dalam hal ehwal pengurusan, kakitangan, pentadbiran dan kewangan dalam bidang pertanian adalah diutamakan.
5. Borang hendaklah diisikan dengan lengkap dan dihadapkan kepada Pengarah Pertanian dan Agrimakanan dengan menyertakan perkara berikut:-
 - 5.1 Salinan kad pengenalan pemohon.
 - 5.2 Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan Bab 16 & 17 dan hendaklah mengandungi kegiatan pertanian, Sijil Sendirian Berhad atau Sijil Pendaftaran Koperasi atau Syarikat dan berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
 - 5.3 Biodata rakan kongsi (Jika berkenaan).
 - 5.4 Lampiran kertas kerja perancangan (Pelan bisnes) termasuk aliran wang tunai (cash flow) 5 ke 10 tahun.
 - 5.5 Senarai projek yang dijalankan pada masa ini (termasuk projek bukan pertanian).
 - 5.6 Salinan resit pembayaran borang permohonan tapak.
6. Setiap borang permohonan hendaklah dikembalikan dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan tajuk dan bilangan iklan serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemohon.
7. Borang yang tidak lengkap diisikan adalah dianggap gagal memenuhi syarat dan permohonan tidak akan diproses.
8. Pemohon-pemohon hendaklah terlebih dahulu mengisi borang perjumpaan dengan pegawai-pegawai pengawas projek seperti yang dinyatakan dalam Lampiran B bagi memastikan pemohon sendiri telah melawat tapak yang dipohonkan.
9. Pemohon-pemohon yang tidak membuat lawatan ke tapak yang ditawarkan, adalah dikira gagal memenuhi syarat.
10. Borang permohonan yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut, pengusaha bolehlah menghubungi:

Unit Kawasan Kemajuan Pertanian

Bahagian Pengembangan Pertanian

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama

Jalan Muhibah, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510

B. Insentif Keperluan Khusus (Industri Tanaman)

Bagi industri tanaman, fokus diberikan kepada pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran. Usaha-usaha untuk meningkatkan pengeluaran komoditi-komoditi tanaman yang lain seperti bunga-bunga, tanaman hiasan, cendawan, ubat-ubatan tradisional, ulam-ulaman, rempah, umbisi dan lain-lain juga diberikan penekanan.

Sebagai galakan kepada pengusaha-pengusaha menggiatkan diri dalam industri ini, Kerajaan telah menyediakan insentif-insentif seperti berikut:

- ❖ Skim Insentif Input Baja dan Kapur;
- ❖ Skim Insentif Bahan Perlindungan Tanaman;
- ❖ Skim Insentif Industri Sayur-Sayuran;
- ❖ Skim Insentif Industri Buah-Buahan;
- ❖ Skim Insentif Industri Tanaman Hiasan dan Bunga-Bunga; dan
- ❖ Bantuan Khidmat Dokongan Kepakaran dan Teknikal;
- ❖ Bantuan Harga

1. Skim Insentif Input Baja dan Kapur

Skim insentif input baja dan kapur dengan harga insentif 50% subsidi telah lama dikendalikan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Skim bantuan baja diberikan adalah bagi mengekalkan kesuburan tanah dan meningkatkan produktiviti tanaman, sementara skim bantuan kapur adalah bagi mengatasi masalah kemasaman tanah terutama tanah asidsulfat.

Objektif

Melalui Skim Insentif Input Baja dan Kapur ini, ianya dihasratkan dapat:

- Menggalakkan pengusaha dan peladang menggunakan baja dan kapur secara optima bagi meningkatkan hasil tanaman per hektar;
- Mengurangkan beban harga bagi pembelian baja dan kapur dan seterusnya untuk meningkatkan pendapatan pengusaha dan peladang; dan
- Memastikan baja dan kapur yang dibekalkan kepada pengusaha dan peladang adalah berkualiti.

Bentuk Insentif

Bentuk insentif adalah pembekalan beberapa jenis baja asas dan kapur pada harga 50% daripada harga pasaran semasa pada ketika ini. Jenis – jenis baja adalah seperti berikut:

- Najis Kambing (*Pelletised Sheep Manure*)
- Triple Super Phosphate
- Urea 46%
- Muriate of Potash
- Kapur Dolomite
- NPK 12:12:17:2 + TE
- NPK 15:15:15
- NPK 15:5:20:2 + TE
- Hidroponik "B" Foliar
- Hidroponik "A" Calcium Nitrate

Proses Permohonan

- Pengusaha dan peladang dikehendaki membuat permohonan untuk mendapatkan bantuan input baja dan kapur ke Unit Pengembangan Pertanian di daerah masing-masing dengan mengisikan **Borang B**.
- Jenis dan kuantiti baja ataupun kapur yang dipohonkan akan dibuat penilaian dan sokongan oleh Unit Pengembangan Pertanian Daerah tertakluk kepada produktiviti perusahaan dan keluasan ladang.
- Unit Pengembangan Pertanian Daerah akan mengeluarkan surat kebenaran untuk mendapatkan bantuan baja ataupun kapur beserta dengan senarai jenis dan kuantiti baja ataupun kapur kepada pengusaha atau peladang.
- Pengusaha atau peladang dikehendaki untuk membawa borang 'B' dan resit pembayaran tersebut ke stor pusat penyimpanan bagi Daerah Brunei Muara dan stor penyimpanan Unit Pengembangan daerah-daerah (Tutong, Belait & Temburong) bagi pembelian baja dengan harga subsidi.

Proses Pembayaran

- Borang yang lengkap diisi & telah dibayar (*resit kewangan disertakan*) hendaklah ditunjukkan kepada Pegawai yang bertugas untuk proses pembekalan.
- Pemohon mestilah membuat pembayaran keatas pembelian bahan insentif terlebih dahulu sebelum barangan dikeluarkan daripada Pusat Bekalan Insentif.
- Pegawai bertugas akan mengeluarkan resit kewangan sebagai pengesahan urusan pembayaran.

- Bahan insentif hanya akan dikeluarkan setelah resit pembelian dikeluarkan atau ditunjukkan kepada Pegawai bertugas di Pusat Bekalan Insentif.
- Urusan pengangkutan adalah tanggungjawab pemohon & kakitangan stor yang bertugas hanya akan melakukan pemungahan daripada tempat penyimpanan bahan insentif di Pusat Bekalan Insentif Pertanian.
- Jumlah bahan yang dipohonkan adalah tertakluk kepada stok & jenis yang ada.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut, pengusaha dan peladang bolehlah menghubungi:

Unit Pengembangan Pertanian Daerah-Daerah

Unit Pengembangan Pertanian

Daerah Brunei Muara

Simpang 362, Bangunan 2,
Jalan Mulaut Limpaki
Tel : +673 2660042

Unit Pengembangan Pertanian

Daerah Tutong

Stesen Pertanian Birau,
Jalan Lamunin
Tel : +673 4221253 / 4240040

Unit Pengembangan Pertanian

Daerah Belait

Bahagian Pengembangan Pertanian
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Tel : +673 3331535 / 3230283/ 3233248

Unit Pengembangan Pertanian

Daerah Temburong

Puni Ujung Jalan
Tel : +673 5221251 / 5221203

2. Skim Insentif Bahan Perlindungan Tanaman

Aktiviti pertanian yang berkaitan dengan bertanam pelbagai jenis komoditi sering menghadapi pelbagai cabaran daripada aspek kesihatan tanaman. Kesihatan tanaman terjejas oleh serangan serangga perosak, penyakit dan rumpai tanaman yang boleh dikategorikan sebagai perosak tanaman. Perosak tanaman menjejaskan kesihatan dengan kerosakan seperti memakan daun, batang, menyebabkan tanaman layu, buruk, terbantut dan juga boleh menyebabkan tanaman mati. Usaha Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk membantu peladang adalah dengan memberikan bantuan asas bahan perlindungan tanaman dengan harga insentif untuk membantu pertumbuhan dan seterusnya meningkatkan hasil dan produktiviti.

Objektif

Melalui Skim Insentif Bahan Perlindungan Tanaman ini, ianya dihasrat akan dapat:

- Membantu peladang meningkatkan hasil pengeluaran dan produktiviti ladang melalui bantuan ke atas bahan-bahan perlindungan tanaman yang bersesuaian; dan
- Mengurangkan beban harga bagi pembelian bahan perlindungan tanaman dan seterusnya untuk meningkatkan pendapatan pengusaha dan peladang.

Bentuk Insentif

Bentuk insentif adalah pembekalan beberapa jenis racun serangga, racun penyakit dan racun rumpai pada harga insentif 50% subsidi seperti berikut:

Racun Serangga

Cyfluthrin 5%

Fenobucarb 50%

Fipronil 5%

Fenthion 50%

Racun Tikus (Brodifacoum 0.003% w/w)

Racun Siput Niclosamide enthanolamine 81.4% w.w

Racun Penyakit

Benomyl 50%-60% WP

Difenoconazole 20%-30% EC

Difenoconazole 13.9% + Propiconazole 13.9% EC

Isoprothialane 40% EC

Mancozeb 80% WP

Pencycuron 20%-30% WP

Trifloxystrobin 25% + Tebuconazole 50%

Racun Rumpai

2,4.D Amine 69.5%

Glufosinate Ammonium 13.5%

41% Glyphosate Isopropylamine

Propanil 20% + Thiobencarb 40% w/w

***Racun Biologikal** - Belum ada pembelian untuk insentif pada masa ini.

Syarat Khas

Jika pengusaha atau peladang didapati menggunakan racun kimia secara berlebihan dan sisabaki racun yang terdapat pada hasil-hasil tanaman telah melebihi had sisabaki minima (Minimum Residue Level, MRL) dan melebihi tiga kali setelah diberikan amaran dan nasihat oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, maka kemudahan insentif ini akan ditarik balik (tidak lagi diberikan). *Rujuk kepada akta kesihatan*

Proses Permohonan

- Pengusaha dan peladang dikehendaki membuat permohonan untuk mendapatkan bantuan racun kimia ke Unit Pengembangan Pertanian di daerah masing-masing dengan mengisikan **Borang B**.

- Jenis dan kuantiti racun kimia yang dipohonkan akan dibuat penialaian oleh Unit Pengembangan Pertanian Daerah mengikut perkembangan perusahaan dan saiz ladang.
- Unit Pengembangan Pertanian Daerah akan mengeluarkan surat kebenaran untuk mendapatkan racun kimia berserta dengan senarai jenis dan kuantiti racun kimia kepada pengusaha atau peladang.
- Pengusaha atau peladang dikehendaki untuk membawa surat kebenaran tersebut ke stor pusat penyimpanan bagi Daerah Brunei Muara dan stor penyimpanan Unit Pengembangan daerah-daerah (Tutong, Belait & Temburong) bagi pembelian baja dengan harga subsidi.

Proses Pembayaran

- Borang yang lengkap diisi & telah dibayar (*resit kewangan disertakan*) hendaklah ditunjukkan kepada Pegawai yang bertugas untuk proses pembekalan.
- Pemohon mestilah membuat pembayaran keatas pembelian bahan insentif terlebih dahulu sebelum barangan dikeluarkan daripada Pusat Bekalan Insentif.
- Pegawai bertugas akan mengeluarkan resit kewangan sebagai pengesahan urusan pembayaran.
- Bahan insentif hanya akan dikeluarkan setelah resit pembelian dikeluarkan atau ditunjukkan kepada Pegawai bertugas di Pusat Bekalan Insentif.
- Urusan pengangkutan adalah tanggungjawab pemohon & kakitangan stor yang bertugas hanya akan melakukan pemungahan daripada tempat penyimpanan bahan insentif di Pusat Bekalan Insentif Pertanian.
- Jumlah bahan yang dipohonkan adalah tertakluk kepada stok & jenis yang ada.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut, pengusaha dan peladang bolehlah menghubungi:

Unit Pengembangan Pertanian Daerah-Daerah

Unit Pengembangan Pertanian

Daerah Brunei Muara

Simpang 362, Bangunan 2,
Jalan Mulaut Limpaki
Tel : +673 2660042

Unit Pengembangan Pertanian

Daerah Tutong

Stesen Pertanian Birau,
Jalan Lamunin
Tel : +673 4221253 / 4240040

Unit Pengembangan Pertanian

Daerah Belait

Bahagian Pengembangan Pertanian
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Tel : +673 3331535 / 3230283/ 3233248

Unit Pengembangan Pertanian

Daerah Temburong

Puni Ujung Jalan
Tel : +673 5221251 / 5221203

3. Skim Insentif Industri Sayur-Sayuran

Sebagai galakan kepada pengusaha-pengusaha untuk bergiat dalam industri sayur-sayuran di negara ini, Kerajaan telah menyediakan beberapa insentif seperti berikut:

- Tapak Perusahaan;
- Insentif input baja dan kapur;
- Insentif Bahan Perlindungan Tanaman;
- Insentif Biji Benih Sayur;
- Insentif Pengeluaran Sayur Berteknologi Tinggi;
- Insentif Perkakas Ladang; dan
- Intensif Jentera Pembajak dan Mesin.

a) Insentif Biji Benih Sayur

Bentuk insentif adalah pembekalan biji benih sayur yang disahkan (*certified vegetable seeds*) pada harga insentif 50% subsidi dari harga tawaran seperti berikut:

Jenis	Insentif
Sawi Gracious	*50% harga tawaran
Sawi Hijau 888	*50% harga tawaran
Timun Amata 765	*50% harga tawaran
Timun Ninja 179	*50% harga tawaran
Timun Batu 102	*50% harga tawaran
Terong Panjang Swing 086	*50% harga tawaran
Kacang Panjang Yards Londs Long Bean 8092	*50% harga tawaran
Labu Kuning Samson 244	*50% harga tawaran
Labu Kuning Saint 222	*50% harga tawaran
Labu Kuning Sri Muang	*50% harga tawaran
Lada Merah Kulai	*50% harga tawaran
Kacang Bendir 473	*50% harga tawaran
Labu Air Ever Happiness 1261	*50% harga tawaran
Bayam Merah Padi Lumapas	*50% harga tawaran
Jagung Manis 1215 No:3	*50% harga tawaran
Tomato Permata F1 Hybrid	*50% harga tawaran
Terong Swing 086	*50% harga tawaran
Peria BG334	*50% harga tawaran
Petola Viset CC165	*50% harga tawaran

Tomato Permata	*50% harga tawaran
BayamMerah S133	*50% harga tawaran
PetolaTempatan	*50% harga tawaran
Bayam Hati Tempatan	*50% harga tawaran
Bayam HijauTempatan	*50% harga tawaran
Bayam Merah	*50% harga tawaran
Sekoi Funbell 164	*50% hargatawaran

* Harga insentif boleh melebihi 50% daripada harga tawaran

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan tidak menghalang kiranya pengusaha atau peladang berhasrat untuk mendapatkan biji benih sayur secara persendirian, akan tetapi hendaklah mendapat nasihat dan permit import terlebih dahulu daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

b) Insentif Pengeluaran Sayur Berteknologi Tinggi

Skim ini adalah untuk menggalak pengusaha dan peladang untuk bergiat dalam pengeluaran sayur-sayuran secara komersil menggunakan teknologi tinggi (sistem hidroponik atau rumah terlindung atau *'protected cultivation'*). Insentif terbahagi kepada 2, iaitu:

- Insentif Bahan Binaan dan Peralatan; dan
- Insentif Pembinaan Rumah Hidroponik/Terlindung Secara Pakej.

i. Insentif Peralatan

Bentuk insentif adalah pembekalan sebahagian daripada bahan-bahan binaan dan peralatan yang diperlukan dalam sistem hidroponik dan rumah terlindung pada harga insentif 50% subsidi dari harga tawaran seperti berikut:

Bahan Binaan dan Peralatan Yang Diperbantukan

Hidroponik	TanamanTerlindung
Pam Air berkuasa letrik	Atap : PE Plastic
Media Tanaman	Dinding : Rawa PE

ii. Insentif Penyediaan Rumah Hidroponik/Terlindung Secara Pakej.

Bentuk insentif adalah pembinaan secara pakej rumah hidroponik atau tanaman terlindung beserta dengan sistemnya sekali pada harga insentif 50% subsidi dari harga keseluruhan pembinaan dan pembekalan sistem pada rumah-rumah tersebut. Pembinaan rumah dan

pembekalan sistem akan dilakukan oleh syarikat pemborong dan pembekal yang dilantik oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

c) Insentif Perkakas Ladang

Bentuk insentif adalah pembekalan perkakas-perkakas ladang yang diperlukan dalam penanaman sayur-sayuran pada harga insentif 50% subsidi dari harga tawaran seperti berikut:

Jenis	Insentif
Pump Air	*50% harga tawaran
Plastik Mulch	*50% harga tawaran
Netting (70% shade)	*50% harga tawaran
Lain-lain	*50% harga tawaran

* Harga insentif boleh melebihi 50% daripada harga tawaran

d) Insentif Jentera Pembajak dan Mesin

Bentuk insentif adalah pembekalan jentera pembajak dan mesin yang diperlukan terutamanya pada peringkat kerja-kerja penyediaan ladang sayur dan juga semasa peringkat pengawalan musuh atau penyakit tanaman pada harga insentif 50% subsidi dari harga tawaran seperti berikut:

Jenis	Insentif
Sprayer Knapsack Mist Blower	*50% harga tawaran
Power sprayer	*50% harga tawaran
Power mist duster	*50% harga tawaran
Grass chopper	*50% harga tawaran
Power tiller without Trailer	*50% harga tawaran
Mini Tiller	*50% harga tawaran

* Harga insentif boleh melebihi 50% daripada harga tawaran

Proses Permohonan

- Pengusaha dan peladang dikehendaki membuat permohonan untuk mendapatkan bantuan racun kimia ke Unit Pengembangan Pertanian di daerah masing-masing dengan mengisikan **Borang B**.
- Jenis dan kuantiti racun kimia yang dipohonkan akan dibuat penialaian oleh Unit Pengembangan Pertanian Daerah mengikut perkembangan perusahaan dan saiz ladang.
- Unit Pengembangan Pertanian Daerah akan mengeluarkan surat kebenaran untuk mendapatkan racun kimia berserta dengan senarai jenis dan kuantiti racun kimia kepada pengusaha atau peladang.

- Pengusaha atau peladang dikehendaki untuk membawa surat kebenaran tersebut ke stor pusat penyimpanan bagi Daerah Brunei Muara dan stor penyimpanan Unit Pengembangan daerah-daerah (Tutong, Belait & Temburong) bagi pembelian baja dengan harga subsidi.

Proses Pembayaran

- Borang yang lengkap diisi & telah dibayar (*resit kewangan disertakan*) hendaklah ditunjukkan kepada Pegawai yang bertugas untuk proses pembekalan.
- Pemohon mestilah membuat pembayaran keatas pembelian bahan insentif terlebih dahulu sebelum barangan dikeluarkan daripada Pusat Bekalan Insentif.
- Pegawai bertugas akan mengeluarkan resit kewangan sebagai pengesahan urusan pembayaran.
- Bahan insentif hanya akan dikeluarkan setelah resit pembelian dikeluarkan atau ditunjukkan kepada Pegawai bertugas di Pusat Bekalan Insentif.
- Urusan pengangkutan adalah tanggungjawab pemohon & kakitangan stor yang bertugas hanya akan melakukan pemungahan daripada tempat penyimpanan bahan insentif di Pusat Bekalan Insentif Pertanian.
- Jumlah bahan yang dipohonkan adalah tertakluk kepada stok & jenis yang ada.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut, pengusaha dan peladang bolehlah menghubungi:

Unit Pengembangan Pertanian Daerah-Daerah

**Unit Pengembangan Pertanian
Daerah Brunei Muara**
Simpang 362, Bangunan 2,
Jalan Mulaut Limpaki
Tel : +673 2660042

**Unit Pengembangan Pertanian
Daerah Tutong**
Stesen Pertanian Birau,
Jalan Lamunin
Tel : +673 4221253 / 4240040

**Unit Pengembangan Pertanian
Daerah Belait**
Bahagian Pengembangan Pertanian
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Tel : +673 3331535 / 3230283/ 3233248

**Unit Pengembangan Pertanian
Daerah Temburong**
Puni Ujung Jalan
Tel : +673 5221251 / 5221203

4. Skim Insentif Industri Buah-Buahan

Sebagai galakan kepada pengusaha-pengusaha untuk bergiat dalam industri buah-buahan di negara ini, Kerajaan telah menyediakan beberapa insentif seperti berikut:

- Tapak Perusahaan;
- Insentif input baja dan kapur;
- Insentif Bahan Perlindungan Tanaman;
- Insentif Pokok Benih Buah-buahan;
- Khidmat Dokongan, Keperanan dan Teknikal

a) Insentif Pokok Benih Buah-Buahan

Insentif Pokok Benih Buah-Buahan adalah dalam bentuk pembekalan berbagai jenis pokok benih yang dijual kepada pengusaha dan peladang pada harga bantuan (**jadual 1**), dengan tujuan, antara lainnya:

- Memperkenalkan serta memperbanyakkan lagi jenis dan klon buah-buahan di Negara ini; dan
- Memudahkan pengusaha dan peladang untuk mendapatkan pokok benih buah-buahan yang bermutu dan berkualiti.

Jadual 1: Jenis Pokok Benih Buah.

Jenis	
Belimbing	Pulasan
Cempedak	Rambutan
Ciku	Sukun
Duku Langsung/Dokomg	Durian Salat
Durian	Pulasan
Jambu Air	Kepayas
Jambu Batu	Langsat
Kedundong	Limau
Kelapa Pandan Wangi	Longan Rendah
Lain-lain kelapa	Mangga

Nota: Bagi orang ramai, pembelian pokok benih daripada orang awam adalah pada harga jualan penuh. Mereka juga dikehendaki untuk mengisikan Borang B, yang boleh didapati samada di Stesen Kemajuan Pertanian Batang Mitus, Tutong ataupun di Stesen Kemajuan Pertanian Semabat, Temburong.

Proses Permohonan

- Pengusaha dan peladang dikehendaki membuat permohonan untuk mendapatkan bantuan racun kimia ke Unit Pengembangan Pertanian di daerah masing-masing dengan mengisikan **Borang B**.
- Jenis dan kuantiti racun kimia yang dipohonkan akan dibuat penialaian oleh Unit Pengembangan Pertanian Daerah mengikut perkembangan perusahaan dan saiz ladang.
- Unit Pengembangan Pertanian Daerah akan mengeluarkan surat kebenaran untuk mendapatkan racun kimia berserta dengan senarai jenis dan kuantiti racun kimia kepada pengusaha atau peladang.
- Pengusaha atau peladang dikehendaki untuk membawa surat kebenaran tersebut ke stor pusat penyimpanan bagi Daerah Brunei Muara dan stor penyimpanan Unit Pengembangan daerah-daerah (Tutong, Belait & Temburong) bagi pembelian baja dengan harga subsidi.

Proses Pembayaran

- Borang yang lengkap diisi & telah dibayar (*resit kewangan disertakan*) hendaklah ditunjukkan kepada Pegawai yang bertugas untuk proses pembekalan.
 - Pemohon mestilah membuat pembayaran keatas pembelian bahan insentif terlebih dahulu sebelum barangan dikeluarkan daripada Pusat Bekalan Insentif.
 - Pegawai bertugas akan mengeluarkan resit kewangan sebagai pengesahan urusan pembayaran.
 - Bahan insentif hanya akan dikeluarkan setelah resit pembelian dikeluarkan atau ditunjukkan kepada Pegawai bertugas di Pusat Bekalan Insentif.
 - Urusan pengangkutan adalah tanggungjawab pemohon & kakitangan stor yang bertugas hanya akan melakukan pemungahan daripada tempat penyimpanan bahan insentif di Pusat Bekalan Insentif Pertanian.
 - Jumlah bahan yang dipohonkan adalah tertakluk kepada stok & jenis yang ada.
- Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut, pengusaha dan peladang bolehlah menghubungi:

Unit Pengembangan Pertanian Daerah-Daerah

Unit Pengembangan Pertanian

Daerah Brunei Muara

Simpang 362, Bangunan 2,
Jalan Mulaut Limpaki

Unit Pengembangan Pertanian

Daerah Tutong

Stesen Pertanian Birau,
Jalan Lamunin

Unit Pengembangan Pertanian

Daerah Belait

Projek kemajuan Pertanian Sungai Liang
Projek Kemajuan Pertanian Labi

Unit Pengembangan Pertanian

Daerah Temburong

Puni Ujung Jalan

5. Skim Insentif Industri Tanaman Hiasan dan Bunga-Bunga

Sebagai galakan kepada pengusaha-pengusaha untuk bergiat dalam industri Tanaman hiasan dan bunga-bunga di negara ini, Kerajaan telah menyediakan beberapa insentif seperti berikut:

Insentif	Keterangan
Perkakas Ladang	Pembekalan netting (70% shade) pada harga insentif 50% subsidi dari harga tawaran.
Dokongan Pasaran	Mendokong pengusaha memasarkan bunga dan tanaman hiasan yang dihasilkan dengan menyediakan Pusat Perniagaan Hortikultur (HBC, Rimba) ataupun melalui ekspo, pameran pertanian, gubahan landskap dan florikultur, dan lain-lain.

Syarat Permohonan

1. Pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.
2. Pengusaha mestilah berdaftar dengan Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan dengan mengisikan borang pendaftaran (Borang A) yang boleh didapati di Unit Kemajuan Pertanian di Daerah masing-masing.
3. Projek atau perusahaan hendaklah dalam kawalan Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan iaitu Tapak Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP & KPLB). Walau bagaimanapun kawasan tanah TOL atau EDR (syarat pertanian) yang dimajukan dengan aktiviti pertanian oleh perseorangan atau sekumpulan peladang akan dipertimbangkan mengikut sokongan Jabatan.
4. Ladang yang diusahakan hendaklah berdaya maju, bersistem, pengurusan yang baik dan pengeluaran yang berterusan yang mana memenuhi ciri-ciri penilaian dan pemantauan Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan.
5. Mana-mana pengusaha yang didapati menyalahgunakan Skim Insentif yang diberikan selain daripada untuk digunakan pada ladang pemilik atau menyalahi proses mendapatkannya seperti menjual kepada pengusaha lain, maka kedua-dua pihak terlibat akan dengan sendirinya digugurkan daripada daftar mereka yang layak untuk mendapatkan Skim Insentif Jabatan Pertanian.

Nota: Bagi orang ramai, pembelian pokok benih daripada orang awam adalah pada harga jualan penuh. Mereka juga dikehendaki untuk mengisikan Borang B, yang boleh didapati samada di Stesen Kemajuan Pertanian Batang Mitus, Tutong ataupun di Stesen Kemajuan Pertanian Semabat, Temburong.

Proses Pembayaran

- Borang yang lengkap diisi & telah dibayar (*resit kewangan disertakan*) hendaklah ditunjukkan kepada Pegawai yang bertugas untuk proses pembekalan.
- Pemohon mestilah membuat pembayaran keatas pembelian bahan insentif terlebih dahulu sebelum barangan dikeluarkan daripada Pusat Bekalan Insentif.
- Pegawai bertugas akan mengeluarkan resit kewangan sebagai pengesahan urusan pembayaran.
- Bahan insentif hanya akan dikeluarkan setelah resit pembelian dikeluarkan atau ditunjukkan kepada Pegawai bertugas di Pusat Bekalan Insentif.
- Urusan pengangkutan adalah tanggungjawab pemohon & kakitangan stor yang bertugas hanya akan melakukan pemungahan daripada tempat penyimpanan bahan insentif di Pusat Bekalan Insentif Pertanian.
- Jumlah bahan yang dipohonkan adalah tertakluk kepada stok & jenis yang ada.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut, pengusaha dan peladang bolehlah menghubungi:

Unit Pengembangan Pertanian Daerah-Daerah

Unit Pengembangan Pertanian

Daerah Brunei Muara

Simpang 362, Bangunan 2,
Jalan Mulaut Limpaki
Tel : +673 2660042

Unit Pengembangan Pertanian

Daerah Tutong

Stesen Pertanian Birau,
Jalan Lamunin
Tel : +673 4221253 / 4240040

Unit Pengembangan Pertanian

Daerah Belait

Bahagian Pengembangan Pertanian
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Tel : +673 3331535 / 3230283/ 3233248

Unit Pengembangan Pertanian

Daerah Temburong

Puni Ujung Jalan
Tel : +673 5221251 / 5221203

6. Skim Insentif Perusahaan Pengeluaran Cendawan

Industri pengeluaran cendawan merupakan satu perusahaan yang memerlukan modal dan pengetahuan teknikal penanaman cendawan yang intensif. Permintaan orang ramai terhadap bekalan cendawan segar adalah semakin meningkat di Negara ini. Oleh itu, langkah-langkah untuk menggalakkan para pengusaha untuk menceburi industri cendawan adalah perlu bagi memenuhi permintaan tersebut.

Objektif

- Menggalakkan penglibatan pengusaha-pengusaha tempatan menceburkan diri di bidang perusahaan pengeluaran cendawan segar.
- Pemindahan teknologi pengeluaran cendawan kepada pengusaha menjurus kepada perusahaan komersil.
- Kearah mengurangkan pergantungan kadar import cendawan segar.

Bentuk Insentif

Untuk menggalak pengusaha dan peladang untuk menceburi industri cendawan, Kerajaan telah menyediakan insentif-insentif berikut:

Insentif	Keterangan
Kursus dan Latihan	Pemberian kursus teknologi pengeluaran cendawan kepada pengusaha/bakal pengusaha tempatan secara percuma.
Beg benih cendawan	Pembekalan beg benih cendawan dengan harga subsidi kepada pengusaha pengeluaran cendawan segar yang berdaftar.
Sokongan Mendapatkan Bebas Cukai Import	Sokongan untuk mendapatkan bebas cukai bagi pengimportan jentera/peralatan untuk pengeluaran beg cendawan dan kemudahan pengeluaran benih cendawan. <i>[Duty free for importation of machinery for mushroom bag and spawn production facility]</i>
Khidmat nasihat dan dokongan.	Memberi khidmat nasihat dan dokongan dari masa ke semasa di kawasan pengeluaran pengusaha cendawan secara percuma.

Syarat Am Permohonan

6. Pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.
7. Pengusaha mestilah berdaftar dengan Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan dengan mengisikan borang pendaftaran (Borang A) yang boleh didapati di Unit Kemajuan Pertanian di Daerah masing-masing.
8. Projek atau perusahaan hendaklah dalam kawalan Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan iaitu Tapak Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP & KPLB). Walau bagaimanapun kawasan tanah TOL atau EDR (syarat pertanian) yang dimajukan dengan aktiviti pertanian oleh perseorangan atau sekumpulan peladang akan dipertimbangkan mengikut sokongan Jabatan.
9. Ladang yang diusahakan hendaklah berdaya maju, bersistem, pengurusan yang baik dan pengeluaran yang berterusan yang mana memenuhi ciri-ciri penilaian dan pemantauan Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan.

10. Mana-mana pengusaha yang didapati menyalahgunakan Skim Insentif yang diberikan selain daripada untuk digunakan pada ladang pemilik atau menyalahi proses mendapatkannya seperti menjual kepada pengusaha lain, maka kedua-dua pihak terlibat akan dengan sendirinya digugurkan daripada daftar mereka yang layak untuk mendapatkan Skim Insentif Jabatan Pertanian.

Nota: Bagi orang ramai, pembelian pokok benih daripada orang awam adalah pada harga jualan penuh. Mereka juga dikehendaki untuk mengisikan Borang B, yang boleh didapati samada di Stesen Kemajuan Pertanian Batang Mitus, Tutong ataupun dan Stesen Kemajuan Pertanian Semabat, Temburong.

Syarat khas Permohonan

- Pemohon hendaklah menyertai “Kursus Teknologi Pengeluaran Cendawan” terlebih dahulu secara penuh masa.
- Tapak atau kawasan projek dan rumah cendawan yang akan diusahakan hendaklah dilawat oleh pegawai-pegawai daripada Unit Bioteknologi Tumbuhan melalui Makmal Teknologi Cendawan dan hendaklah sesuai untuk pengeluaran cendawan.
- Bagi permohonan yang berhasrat untuk memajukan tapak KKP/KPLB/TOL/EDR dengan mengusahakan pengeluaran cendawan secara komersil dengan rumah cendawan yang berkapasiti 5,000 beg cendawan dan ke atas adalah dikehendaki mempunyai seorang pakar dalam bidang pengeluaran cendawan.

Proses permohonan

Permohonan tapak bagi kegiatan tanaman sayur-sayuran (cendawan) di bawah kawalan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan iaitu Tapak Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP dan KPLB) hendaklah memenuhi syarat-syarat mendapatkan bantuan/insentif. Jika tanah TOL atau EDR (syarat pertanian) yang dimajukan dengan kegiatan pertanian oleh perseorangan atau sekumpulan peladang akan dipertimbangkan mengikut sokongan jabatan.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut, pengusaha dan peladang bolehlah menghubungi:

Makmal Teknologi Cendawan
Unit Bioteknologi Tumbuhan
Kilanas, Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan, BF2520,
Negara Brunei Darussalam.

7. Skim Insentif Industri Tanaman Hiasan dan Bunga-Bunga

Skim Insentif pertanian bagi Industri Padi diwujudkan sebagai galakan kepada peladang-peladang yang bergiat dalam perusahaan penanaman padi dengan objektif-objektif seperti berikut:

- Mempercepatkan proses pemindahan teknologi pengeluaran kearah meningkatkan produktiviti dan hasil keluaran padi;
- Menyalurkan input dan kemudahan asas ke arah mendokong penghasilan padi yang kompetitif;
- Menyalurkan informasi berhubung dengan jenis, kuantiti dan kombinasi input yang bersesuaian di dalam system perladangan;
- Menggalakkan pengusaha tempatan dan pelaburan asing bergiat aktif di dalam industry padi;
- Sebagai bantuan ke arah mengurangkan kos pengeluaran; dan
- Membantu menstabilkan harga komoditi padi.

Ada 2 kategori utama SIPA bagi Industri PADI, iaitu:

- i. Insentif Keperluan Asas
- ii. Insentif Keperluan Khusus Industri Tanaman Padi

Insentif Keperluan Khusus Asas Industri Tanaman Padi

- a. **Pembekalan beberapa jenis baja asas dan kapur pada harga-harga bantuan yang ditetapkan oleh kerajaan (Rujuk....)**
- b. **Pembekalan beberapa jenis racun serangga, racun penyakit dan racun rumpai pada harga insentif 50% subsidi. (Rujuk....)**
- c. **Insentif lain yang ditawarkan iaitu:**
 - Membekalkan semaian padi dengan harga subsidi pada kadar \$1.00/tray.
 - Perkhidmatan penyediaan ladang dengan harga subsidi pada kadar \$100/ha.
 - Perkhidmatan menanam dan menuai dengan harga subsidi pada kadar \$100/ha.
 - Perkhidmatan peminjaman mesin pengering padi di Pusat Pengeringan Daerah-Daerah. (Tertakluk kepada syarat pinjaman).
 - Skim bantuan pembelian harga padi pada kadar \$1.60/kg.
- d. **Pembekalan perkakas-perkakas ladang yang diperlukan dalam penanaman padi pada harga insentif 50% subsidi dari harga tawaran seperti berikut:**

Jenis	Insentif
Pump Air	*50% harga tawaran
Sprayer Knapsack Mist Blower	*50% harga tawaran

Power Sprayer	*50% harga tawaran
Power Mist Duster	*50% harga tawaran
Power Tiller Without Trailer	*50% harga tawaran
Mini Tiller	*50% harga tawaran
Self-Propelled Reaper	*50% harga tawaran
Mist Blower	*50% harga tawaran
Rice Transplanter	*50% harga tawaran
Combine Harvester	*50% harga tawaran
Rice Dryer	*50% harga tawaran
Fodder Chopper	*50% harga tawaran
Generator	*50% harga tawaran
Riding Tiller	*50% harga tawaran
Walking Behind Transplanter	*50% harga tawaran
Automatic Incubator	*50% harga tawaran

Harga Insentif boleh melebihi 50% daripada harga tawaran (*tertakluk kepada stok yang ada)

e. Khidmat Dokongan, Kepakaran dan Teknikal.

Perkhidmatan dokongan, khidmat nasihat kepakaran dan teknikal yang diberikan:

- Membantu peladang mengenalpasti masalah-masalah (seperti kemasaaman tanah, serangan musuh dan penyakit tanaman dan lain-lain) yang terdapat pada ladang-ladang mereka yang boleh menjejaskan penghasilan dan produktiviti pengeluaran;
- Membantu pengusaha dan peldang menyelesaikan masalah-masalah yang terdapat pada ladang-ladang mereka dan seterusnya mensyorkan langkah-langkah pengawalan atau pembaikan yang perlu diambil (seperti teknik pengawalan perosak tanaman, pengawalan penyakit tanama, program pembajaan dan lain-lain);
- Bimbingan, tunjuk ajar ataupun nasihat kepakaran dalam industry padi yang diusahakan;
- Pemindahan teknologi terkini serta amalan terbaik yang bersesuaian untuk diserapkan dan diterima pakai oleh peladang industry padi yang diusahakan.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut, pengusaha dan peladang bolehlah menghubungi:

Unit Statistik Agribisnes dan SIPA

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Ibu Pejabat Pertanian & Agrimakanan
Lapangan Terbang Lama Berakas BB3570
Negara Brunei Darussalam
Tel No: +6732388072/2388012/2388071

Unit Pengembangan Pertanian

Daerah Brunei Muara
Simpang 362, Bangunan 2,
Jalan Mulaut Limpaki
Tel No: +6732660042

Unit Pengembangan Pertanian

Daerah Tutong

Stesen Pertanian Birau,
Jalan Lamunin

Unit Pengembangan Pertanian

Daerah Belait

Bahagian Pengembangan Pertanian
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

Tel : +673 4221253 / 4240040

Tel : +673 3331535 / 3230283/ 3233248

Unit Pengembangan Pertanian

Daerah Temburong

Puni Ujung Jalan

Tel : +673 5221251 / 5221203

menghubungi:

8. Khidmat Dokongan, Kepakaran dan Teknikal

Sebagai agensi Kerajaan yang berperanan dalam membangunkan dan memajukan industri pertanian dan agrimakanan di negara ini, salah satu tanggungjawab Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ialah memberikan perkhidmatan dokongan, khidmat nasihat kepakaran dan teknikal kepada pengusaha-pengusaha pertanian dan peladang-peladang.

Perkhidmatan dokongan, khidmat nasihat kepakaran dan teknikal yang diberikan adalah bertujuan, antara lain, untuk:

- Membantu pengusaha dan peladang mengenalpasti masalah-masalah (seperti kemasaman tanah, serangan musuh dan penyakit tanaman dan lain-lain) yang terdapat pada ladang-ladang mereka yang boleh menjejaskan penghasilan dan produktiviti pengeluaran; dan
- Membantu pengusaha dan peladang menyelesaikan masalah-masalah yang terdapat pada ladang-ladang mereka dan seterusnya mensyorkan langkah-langkah pengawalan atau pembaikan yang perlu diambil (seperti teknik pengawalan perosak tanaman, pengawalan penyakit tanaman, program pembajaan dan lain-lain); dan
- Menyerapkan teknologi-teknologi terbaru dalam pengeluaran tanaman seperti teknik pengawalan perosak tanaman, pengawalan kimia secara teratur, selamat dan mesra alam, system perlindungan tanaman bersepadu dan lain-lain.

Perkhidmatan dokongan, khidmat nasihat kepakaran dan teknikal yang diberikan adalah dalam bentuk:

- **Bimbingan, tunjuk ajar ataupun nasihat kepakaran** mengikut sektor industri pertanian dan agrimakanan yang diusahakan;
- **Pemindahan teknologi terkini serta amalan terbaik** yang bersesuaian untuk diserapkan dan diterima pakai oleh pengusaha dan peladang mengikut sektor industri pertanian dan agrimakanan yang diusahakan;

- Pemantauan terhadap perkembangan perusahaan oleh Unit Pengembangan Pertanian Daerah bagi mengetahui situasi dan perkembangan perusahaan-perusahaan yang dijalankan oleh pengusaha dan peladang.

Syarat & Proses Permohonan

Tidak ada syarat-syarat khusus yang diperlukan daripada pengusaha dan peladang yang ingin mendapatkan perkhidmatan dokongan, khidmat nasihat kepakaran dan teknikal daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan berhubung perusahaan-perusahaan yang dijalankan.

D. Insentif Keperluan Khusus (Industri Ternakan)

Skim Insentif Industri Pertanian bagi Industri Ternakan diwujudkan sebagai galakan kepada penternak-penternak yang bergiat aktif dalam pemeliharaan ternakan.

Objektif

- Bagi memudahkan penternak dan pegawai-pegawai daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan mengenal pasti ternakan.
- Bermanfaat dalam mengesan keadaan kesihatan, vaksinasi, keturunan, penempatan semula, jualan dan jadual makanan
- Bagi membantu penternak di dalam usaha kearah pengurusan pemeliharaan ternakan yang baik
- Bagi mencapai kecekapan dan memaksimumkan keuntungan di dalam setiap operasi dan pengurusan
- Mengawal binatang liar dan binatang lain memasuki kawasan pemeliharaan ternakan.
- Memberi pengawalan pergerakan ternakan di dalam sesuatu kawasan
- Bagi melindungi kawasan ternakan supaya tidak diceroboh seperti kawasan yang baru dibaja atau diracuni

Sebagai galakan kepada pengusaha-pengusaha menggiatkan diri dalam industri ini, Kerajaan telah menyediakan insentif-insentif seperti berikut:

- ❖ Skim Baka Ternakan Ruminan;
- ❖ Skim Benih Rumput;
- ❖ Skim Barang Kawalan Penyakit Ternakan;
- ❖ Skim Mesin atau Jentera – Forage Engine Driven Fodder Chopper;
- ❖ Khidmat Dokongan Kepakaran Teknikal:
 - Peralatan Pengenalan dan Kawalan Ternakan – Tag telinga, cucuk hidung dan pagar
 - Makanan dan Pemakanan Ternakan
 - Pemeriksaan dan Penganalisan Makmal
 - Perkhidmatan Veterinar

1. Baka Ternakan Ruminan

Bentuk insentif adalah pembekalan baka-baka ternakan ruminan (lembu, kerbau, kambing dan rusa) pada harga bantuan yang bertujuan untuk:

- Memperkenalkan baka/benih (*gene pool*) ternakan ruminant yang baru dalam kelompok ternakan yang sedia ada; dan
- Memudahkan penternak untuk memperolehi baka induk betina dan pejantan yang berkualiti.

Jadual 1: Harga Bantuan Baka Ternakan Ruminan

Jenis Ternakan	Harga Bantuan Sekilo (Timbang Hidup)
– Baka Lembu	B\$3.35/kg
– Baka Kerbau	B\$3.35/kg
– Baka Kambing	B\$7.70/kg
– Baka Rusa	B\$7.70/kg

Syarat Am Permohonan

- Pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dan mestilah sudah mempunyai kandang dan kawasan yang mencukupi untuk pemeliharaan.
- Pemohon hendaklah berdaftar dengan Jabatan Pertanian & Agrimakanan di Bahagian Industri Ternakan di daerah-daerah
- Ladang yang diusahakan hendaklah menunjukkan potensi yang tinggi di dalam meningkatkan Industri Ternakan di Negara Brunei Darussalam
- Mana-mana pemohon yang didapati menyalahgunakan Skim Insentif yang diberikan selain daripada untuk digunakan pada ladang pemilik atau menyalahi proses mendapatkannya seperti menjual kepada pengusaha lain, maka kedua-dua pihak terlibat akan dengan sendirinya digugurkan daripada daftar yang layak untuk mendapat Skim Insentif Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
- Jabatan Pertanian & Agrimakanan berhak untuk meneliti semula serta menyiasat mana-mana pemohon yang menyalahgunakan skim ini.
- Jabatan Pertanian & Agrimakanan berhak untuk menukar atau memberhentikan skim bantuan tanpa sebarang notis pemberitahuan. Pihak Jabatan Pertanian & Agrimakanan juga tidak akan bertanggung jawab jika berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini berkaitan dengan skim bantuan yang dipohonkan.

Syarat Khusus Permohonan

- Tapak tanah pemeliharaan hendaklah dipersyaratkan kepada pengusaha ternakan dari Jabatan Tanah atau Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP)
- Ternakan yang dibekalkan hendaklah dipelihara dengan baik serta diberikan makanan dan minuman air yang mencukupi.
- Hendaklah mengisi borang yang telah ditetapkan serta mengembalikan kepada Ketua Unit Pemeliharaan Ternakan.
- Kenderaan pengangkutan ternakan ke tempat pemeliharaan adalah tanggungjawab pemohon sepenuhnya.

- Bersetuju untuk membenarkan mana-mana pegawai dari Bahagian Industri Ternakan melawat ternakan berkenaan pada bila-bila masa dikehendaki samada dengan makluman atau sebaliknya.

Proses permohonan

- Penternak perlu memohon terus ke Unit Pemeliharaan Ternakan, Luahan Jerudong.
- Unit Pemeliharaan Ternakan akan meneliti borang permohonan seterusnya menetapkan tarikh lawatan ke tapak pemeliharaan yang dicadangkan bersama penternak.
- Laporan dari hasil lawatan akan dihadapkan ke Ketua Unit Pemeliharaan Ternakan bagi proses pengesahan.
- Jika permohonan berjaya, proses pembayaran baka tersebut haruslah dibuat. Baka ternakan cuma akan dibekalkan setelah pembayaran dibuat sepenuhnya.

2. Benih Rumput

Bentuk insentif adalah Pembekalan benih rumput untuk pemakanan ternakan ruminant serta khidmat nasihat penanaman rumput untuk pemakanan ternakan ruminan.

Objektif

- Bagi membantu penternak di dalam menyediakan benih rumput-rumput yang berkualiti & mencukupi bagi tujuan pemakanan ternakan
- Bagi membantu penternak didalam tunjuk cara teknik penanaman dan pemeliharaan kebun rumput yang baik dan sesuai.

Jenis-jenis bantuan atau insentif

JENIS BAHAN	BANTUAN SEMASA
Benih Pastura (Rumput-rumput)	Percuma

Syarat-Syarat mendapatkan benih pastura (rumput-rumput)

Syarat Am:

- 1) Pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam
- 2) Mestilah sudah mempunyai kawasan yang mencukupi untuk penanaman rumput.
- 3) Berdaftar dengan Jabatan Pertanian & Agrimakanan di Bahagian Ternakan di daerah-daerah

- 4) Ladang yang diusahakan hendaklah menunjukkan potensi yang tinggi didalam meningkatkan Industri Ternakan di NBD.
- 5) Mana-mana pengusaha yang didapati menyalahgunakan Skim Insentif yang diberikan selain daripada untuk digunakan pada ladang pemilik atau menyalahi proses mendapatkannya seperti menjual kepada pengusaha lain, maka kedua dua pihak terlibat akan dengan sendirinya digugurkan daripada daftar yang layak untuk mendapat Skim Insentif Jabatan Pertanian.
- 6) Jabatan Pertanian & Agrimakanan berhak untuk meneliti semula serta menyiasat mana-mana pemohon yang menyalahgunakan skim ini.
- 7) Jabatan Pertanian & Agrimakanan berhak untuk menukar atau memberhentikan skim bantuan tanpa sebarang notis pemberitahuan. Pihak Jabatan Pertanian & Agrimakanan juga tidak akan bertanggung jawab jika berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini berkaitan dengan skim bantuan yang dipohonkan

Syarat Khusus:

- 1) Hendaklah mengisi borang yang telah ditetapkan serta mengembalikan kepada Ketua Unit Pemeliharaan Ternakan.
- 2) Pemilihan benih rumput bolehlah dijalankan di Stesen Pertanian Luahan, Jerudong, Unit Pemeliharaan Ternakan pada waktu bekerja.

Proses permohonan

1. Penternak perlu memohon terus ke Unit Pemeliharaan Ternakan, Luahan Jerudong
2. Penternak dikehendaki mengisi borang permohonan benih pastura
3. Unit Pemeliharaan Ternakan akan meneliti borang permohonan seterusnya memberikan benih pastura mengikut keluasan ladang yang digunakan bagi tujuan penanaman rumput.

3. Barang Kawalan Penyakit Ternakan

Objektif

- Bagi membantu penternak di dalam pengawalan penyakit – penyakit ternakan
- Bagi mengurangkan kadar kematian ternakan secara tidak langsung meningkatkan hasil pengeluaran ternakan.

Jenis-jenis bantuan atau insentif

JENIS BAHAN	BANTUAN SEMASA
1. Vaksin (ND,IBD)	50% harga tawaran
2. Veterinary Medicinal Product (VMP) (Khusus untuk unggas: Antibiotik dan Multi Vitamin)	50% harga tawaran
3. Veterinary Medicinal Product (VMP) (Khusus untuk ruminan (Bahan penyah cacing))	50% harga tawaran
4. Garam Jilat	50% harga tawaran
5. Bahan Nyah Cuci Hama	50% harga tawaran
6. Bahan Pembasmi Kuman (disinfectant)	50% harga tawaran

Syarat-Syarat mendapatkan insentif barang pengawalan penyakit ternakan

Syarat Am:

- 1) Pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam
- 2) Berdaftar dengan Jabatan Pertanian & Agrimakanan di Bahagian Ternakan di daerah-daerah
- 3) Ladang yang diusahakan hendaklah menunjukkan potensi yang tinggi di dalam meningkatkan Industri Ternakan di Negara Brunei Darussalam.
- 4) Mana-mana pengusaha yang didapati menyalahgunakan Skim Insentif yang diberikan selain daripada untuk digunakan pada ladang pemilik atau menyalahi proses mendapatkannya seperti menjual kepada pengusaha lain, maka kedua-dua pihak terlibat dengan sendirinya digugurkan daripada daftar yang layak untuk mendapat Skim Insentif Jabatan Pertanian.
- 5) Jabatan Pertanian & Agrimakanan berhak untuk meneliti semula serta menyiasat mana-mana pemohon yang menyalahgunakan skim ini.
- 6) Jabatan Pertanian & Agrimakanan berhak untuk menukar atau memberhentikan skim bantuan tanpa sebarang notis pemberitahuan. Pihak Jabatan Pertanian & Agrimakanan juga tidak akan bertanggungjawab jika berlaku sebarang kejadian yang tidak diinginkan berkaitan dengan skim bantuan yang dipohonkan

Syarat Khusus:

- 1) Tapak tanah pemeliharaan hendaklah dipersyaratkan kepada pengusaha ternakan dari Jabatan Tanah atau Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP)
- 2) Keperluan yang dibekalkan hendaklah digunakan mengikut kadar yang disarankan.
- 3) Hendaklah mengisi borang yang telah ditetapkan serta mengembalikan kepada Ketua Unit Pemeliharaan Ternakan di Stesen Projek Kemajuan Pertanian Luahan, Jerudong & Batang Mitus, Tutong.
- 4) Kenderaan pengangkutan ternakan dari dan ke tempat pemeliharaan adalah tanggungjawab pemohon sepenuhnya.
- 5) Bersetuju untuk membenarkan mana-mana pegawai-pegawai dari Bahagian Industri Ternakan melawat ternakan berkenaan pada bila-bila masa dikehendaki samada dengan makluman atau sebaliknya.

Proses permohonan

1. Pemohon dikehendaki untuk mengisi boring permohonan "A" atau borang "B" dengan lengkap dan betul. Borang permohonan hendaklah ditandatangani sendiri oleh pemilik syarikat / pengusaha sendiri.
2. Pemohon hendaklah menyertakan:-
 - 2.1. Resit pembelian ternakan yang sah dikeluarkan oleh pembekal perlu disertakan untuk rujukan dan penilaian bagi mendapatkan sokongan bahan input tersebut.
 - 2.2. Pemohon dinasihatkan untuk mendapatkan surat perakuan dari Pegawai Haiwan bagi sokongan mendapatkan kawalan atau rawatan bagi menggunakan setiap jenis antibiotik.
 - 2.3. Pemohon dinasihatkan menyediakan sendiri alat penyimpan sejuk (coolbox + aisbeku) terutama bagi penyimpanan vaksin ternakan.
 - 2.4. Sekiranya pemilik ladang ternakan / syarikat tidak dapat hadir sendiri sewaktu untuk mendapatkan bahan input ternakan disebabkan perkara yang tidak dapat dielakkan maka pemilik syarikat / pengusaha ternakan dinasihatkan untuk membuat surat lantikan wakil kepada pekerja setelah boring permohonan ditandatangani.
3. Lawatan susulan dan pemantauan akan dibuat oleh pegawai-pegawai Jabatan bagi memastikan bahan input ternakan yang dibekalkan digunakan dengan baik

4. Mesin atau Jentera – Forage Engine Driven Fodder Chopper

Bentuk insentif adalah pembekalan mesin “Forage Engine Driven Fodder Chopper”. Ianya adalah sejenis mesin yang digunakan untuk memotong rumput-rumput besar dan panjang menjadi kecil bagi memudahkan pemberian makanan kepada ternakan. Salah satu kegunaan utama mesin ini adalah membolehkan para penternak mengendalikan teknik “silage” pada rumput-rumput yang sudah dipotong bagi memberikan proses penapaian yang optimum.

Objektif

- Membantu penternak untuk mengendalikan sumber makanan ternakan selain daripada penggunaan rumput segar.
- Mempermudahkan pencampuran rumput-rumput bagi teknik “silage”.

Jenis-jenis bantuan atau insentif

JENIS BAHAN	BANTUAN SEMASA
Forage Engine Driven Fodder Chopper	50% harga tawaran

Syarat-Syarat mendapatkan insentif

Syarat Am:

- 1) Pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam
- 2) Berdaftar dengan Jabatan Pertanian & Agrimakanan di Bahagian Industri Ternakan di daerah-daerah
- 3) Ladang yang diusahakan hendaklah menunjukkan potensi yang tinggi di dalam meningkatkan Industri Ternakan di NBD.
- 4) Mana-mana pengusahaan yang didapati menyalahgunakan Skim Insentif yang diberikan selain daripada untuk digunakan pada ladang pemilik atau menyalahi proses mendapatkannya seperti menjual kepada pengusaha lain, maka kedua-dua pihak terlibat akan dengan sendirinya digugurkan daripada daftar yang layak untuk mendapat Skim Insentif Jabatan Pertanian.
- 5) Jabatan Pertanian & Agrimakanan berhak untuk meneliti semula serta menyiasat mana-mana pemohon yang menyalahgunakan skim ini.
- 6) Jabatan Pertanian & Agrimakanan berhak untuk menukar atau memberhentikan skim bantuan tanpa sebarang notis pemberitahuan. Pihak Jabatan Pertanian & Agrimakanan juga tidak akan bertanggungjawab jika berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini berkaitan dengan skim bantuan yang dipohonkan

Syarat Khusus:

- 1) Mesin yang dibekalkan hendaklah dijaga dengan baik.
- 2) Hendaklah mengisi borang yang telah ditetapkan serta mengembalikan kepada Ketua Unit Pemeliharaan Ternakan
- 3) Kenderaan pengangkutan mesin dari Stor Pusat Mulaut kerumah pemohon adalah tanggungjawab pemohon sepenuhnya.

Proses permohonan

1. Penternak perlu memohon terus ke Bahagian Industri Ternakan.
2. Bahagian Industri Ternakan akan meneliti permohonan tersebut bagi membuat sokongan.
3. Seterusnya, sokongan akan diberikan kepada Unit Perkhidmatan Agribisnis bagi proses seterusnya.
4. Bagi permohonan yang Berjaya, surat akan diberikan.
5. Pihak Bahagian Industri Ternakan akan menghubungi pemohon bagi proses selanjutnya.
6. Pemohon hendaklah membuat pembayaran di stor pusat disertakan dengan surat sokongan tidak kurang dari 1 bulan dari tempoh sokongan yang berikan.

5. Peralatan Pengenalan dan Kawalan Ternakan – Tag telinga, cucuk hidung dan pagar

Pengenalan

Kaedah penandaan ternakan “tagging” sudah lama dipraktikkan di dalam penternakan. Fungsi utama penandaan ini adalah untuk pengenalan identity ternakan yang berkenaan. Tag telinga merupakan salah satu teknik penanda ternakan dimana kaedah ini dianggap lebih ehsan kepada ternakan. Kaedah “tagging” ini berperanan penting di dalam penternakan dimana ianya berfungsi sebagai pengenalan kepada ternakan tersebut di samping pengawalan. Daripada “tagging” ini nanti dikenalpasti sejarah ternakan ini seperti asal ternakan, ubat-ubatan dan vaksin yang telah diberi, penyakit-penyakit yang pernah dihadapi dan sebagainya melalui rekod-rekod yang telah dibuat. Sistem pemeliharaan yang menggunakan “tagging” ini membolehkan penternak mempunyai sistem “traceability” dan ianya adalah salah satu tata cara di dalam mempraktikkan Amalan Baik Pemeliharaan Ternakan (GAHP).

Cucuk hidung pula mempunyai fungsi berlainan iaitu bagi memudahkan penternak mengawal pergerakan ternakan mereka. Ini memainkan peranan penting bagi pengurusan penternakan tersebut dimana dari semasa kesemasa terutama sekali apabila hendak menimbang haiwan ternakan tersebut. Kaedah cucuk hidung ini juga dianggap kaedah penternakan yang mementingkan ehsan binatang ternakan tersebut.

Pagar merupakan salah satu daripada keperluan yang perlu disediakan bagi pembukaan sesebuah lading ternakan. Pemagaran yang baik dapat member pengawalan yang sempurna terhadap ternakan dan boleh menjimatkan kos pengawasan. Dawai berduri adalah untuk

mengawal kemasukkan binatang-binatang liar, binatang lain untuk memasuki kawasan pemeliharaan ternakan.

Objektif

- Bagi memudahkan penternak dan pegawai-pegawai daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan mengenal pasti ternakan.
- Bermanfaat dalam mengesan keadaan kesihatan, vaksinasi , keturunan, penempatan semula, jualan dan jadual makanan
- Bagi membantu penternak di dalam usaha kearah pengurusan pemeliharaan ternakan yang baik
- Bagi mencapai kecekapan dan memaksimumkan keuntungan di dalam setiap operasi dan pengurusan
- Mengawal binatang liar dan binatang lain memasuki kawasan pemeliharaan ternakan.
- Memberi pengawalan pergerakan ternakan di dalam sesuatu kawasan
- Bagi melindungi kawasan ternakan supaya tidak diceroboh seperti kawasan yang baru dibaja atau diracuni
- Mengawal pertumbuhan pasture pada peringkat umur optima bagi keselamatan kawasan ternakan.

Jenis-jenis bantuan atau insentif

JENIS BAHAN	BANTUAN SEMASA
1. Tag Telinga	50% harga tawaran
2. Cucuk Hidung	50% harga tawaran
3. Pagar Dawai Berduri	50% harga tawaran
4. Dawai Kambing (K-Wire)	50% harga tawaran

Syarat-Syarat mendapatkan insentif barang kawalan penyakit ternakan

Syarat Am:

- 1) Pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam
- 2) Mestilah sudah mempunyai kandang dan kawasan yang mencukupi untuk pemeliharaan.
- 3) Berdaftar dengan Jabatan Pertanian & Agrimakanan di Bahagian Ternakan di daerah-daerah
- 4) Ladang yang diusahakan hendaklah menunjukkan potensi yang tinggi di dalam meningkatkan Industri Ternakan di NBD.
- 5) Mana-mana pengusahaan yang didapati menyalahgunakan Skim Insentif yang diberikan selain daripada untuk digunakan pada ladang pemilik atau menyalahi proses

mendapatkannya seperti menjual kepada pengusaha lain, maka kedua-dua pihak terlibat akan dengan sendirinya digugurkan daripada daftar yang layak untuk mendapat Skim Insentif Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

- 6) Jabatan Pertanian & Agrimakanan berhak untuk meneliti semula serta menyiasat mana-mana pemohon yang menyalahgunakan skim ini.
- 7) Jabatan Pertanian & Agrimakanan berhak untuk menukar atau memberhentikan skim bantuan tanpa sebarang notis pemberitahuan. Pihak Jabatan Pertanian & Agrimakanan juga tidak akan bertanggungjawab jika berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini berkaitan dengan skim bantuan yang dipohonkan

Syarat Khusus:

- 1) Tapak tanah pemeliharaan hendaklah dipersyaratkan kepada pengusahaternakandariJabatan Tanah atau Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP)
- 2) Bahan keperluan yang dibekalkan hendaklah digunakan secara teratur.
- 3) Hendaklah mengisi borang yang telah ditetapkan serta mengembalikan kepada Ketua Unit Pemeliharaan Ternakan di Stesen Projek Kemajuan Pertanian Luahan, Jerudong & Batang Mitus,Tutong.
- 4) Kenderaan pengangkutan ternakan dari dan ke tempat pemeliharaan adalah tanggungjawab pemohon sepenuhnya.
- 5) Bersetuju untuk membenarkan mana-mana pegawai Haiwan melawat ternakan berkenaan pada bila-bila masa dikehendaki samada dengan makluman atau sebaliknya.

Proses permohonan bagi Bahan Kawalan Ternakan:

1.1. Proses Permohonan Mendapatkan Peralatan Pengawalan Ternakan

- 1.1.1. Pemohon-pemohon hendaklah mempunyai ternakan dan tempat pemeliharaan
- 1.1.2. Pemohon hendaklah mengisi boring bagi mendapatkan bahan input ternakan. Borang borang tersebut boleh dibeli di kaunter Unit Perkhidmatan & Kemajuan Projek atau di Unit Kemajuan Pertanian Daerah-Daerah, Jabatan Pertanian &Agrimakanan
- 1.1.3. Pemohon dikehendaki mengisi Borang "A" dengan lengkapnya bagi pendaftaran syarikat/pemilik lading ternakan untuk mendapatkan perkhidmatan bahan input ternakan, di Bahagian Industri Ternakan, Jabatan Pertanian & Agrimakanan
- 1.1.4. Bagi yang sudah berdaftar, pemohon Cuma perlu mengisi Borang "B" sahaja setiap kali permohonan untuk mendapatkan bahan input ternakan
- 1.1.5. Jabatan hanya akan menerima permohonan yang dipohonkan sendiri oleh pemilik syarikat/pengusaha ternakan
- 1.1.6. Permohonan yang dibuat oleh pekerja atau penjaga ladang tidak akan dilayan kecuali borang permohonan telah lengkap diisikan dan menunjukkan surat perakuan lantikan wakil dari pemilik syarikat/pemohon
- 1.1.7. Harga dikenakan B\$ 1.00 bagi setiap borang

- 1.1.8. Harga dasar bantuan bahan input ternakan (insentif) tertakhluk kepada harga yang telah diluluskan melalui surat Pemberitahuan Jabatan Pertanian & Agrimkanan
- 1.1.9. Sokongan permohonan bahan input ternakan tertakhluk kepada pengesahan pegawai pemeriksaan/pemantauan/surat/dokumen dan baki stok yang ada
- 1.1.10. Permohonan yang tidak terkandung dalam syarat-syarat Am akan dinilai dan dipertimbangkan tertakhluk kepada status/keadaan semasa.

1.2. Proses Permohonan Dawai Ternakan

- 1.2.1. Pemohon dikehendaki untuk mengisi borang permohonan "A" atau Borang "B" dengan lengkap dan betul . Borang permohonan hendaklah ditandatangani sendiri oleh pemilik syarikat/pengusaha sendiri.
- 1.2.2. Pemohon hendaklah menyertakan:
 - a) PETA KASAR, jika perlu untuk lebih jelas, peta kasar tersebut menunjukkan seperti tapak kawasan/halaman bagi cadangan mendirikan pagar ternakan, alamat dan simpang jalan menuju kearah kedudukan tapak kawasan/halaman tersebut.
 - b) Surat sokongan dari Penghulu / Ketua Kampong di kawasan berkenaan bagi cadangan tanah / halaman bukan kawalan gazet Jabatan Pertanian, seperti Tanah begeran, Tanah LesenTumpang Sementara (LTS) dan / atau Tanah Kerajaan dan lain-lain.
 - c) Menyertakan salinan surat kebenaran penggunaan tapak atau resit pembayaran terakhir dari pihak yang berkenaan untuk Rujukan dan penilaian.
 - d) Tapak kawasan/halaman cadangan bagi mendirikan pagar ternakan hendaklah dibersihkan (rentis).
- 1.2.3. Pemohon dikehendaki bersedia untuk menunjukan kawasan/halaman tempat cadangan mendirikan pagar ternakan seperti yang dipohonkan.
- 1.2.4. Jabatan Pertanian berhak menentukan jumlah bahan input yang dibekalkan tidak semestinya mengikut jumlah yang dipohonkan dan harga bantuan dikenakan tertakhluk kepada harga yang dimaklumkan melalui surat pemberitahuan Jabatan Pertanian.
- 1.2.5. Lawatan susulan dan pemantauan akan dibuat oleh pegawai jabatan bagi memastikan dawai pagar yang dibekalkan telah digunakan ditempat kawasan cadangan seperti yang dinyatakan dalam permohonan

6. Makanan dan Pemakanan Ternakan

Pengenalan

Makanan dan pemakanan haiwan memainkan peranan yang penting didalam penternakan. Kesesuaian makanan dan kecukupan makanan merupakan cabaran bagi penternak Negara Brunei Darussalam memandangkan keadaan tanah yang kurang sesuai serta jumlah kawasan yang terhad bagi penanaman rumput. Tatacara pemakanan yang salah bukan sahaja mengakibatkan tumbesaran ternakan yang tidak stabil (menurun) dan boleh juga membawa kepada kematian. Masalah-masalah yang dihadapi ini bukan sahaja merugikan para penternak malah secara langsung menurunkan produksi Negara bagi komoditi ternakan bagi Negara Brunei Darussalam. Oleh itu, pihak jabatan melalui Bahagian Industri Ternakan menubuhkan satu unit iaitu Unit Makanan & Pemakanan Haiwan untuk menangani isu-isu yang berkaitan pemakanan ternakan disamping menyediakan khidmat nasihat kepada penternak mengenai tatacara pemakanan yang teratur. Khidmat nasihat ini diberikan secara percuma bagi membantu menangani segala isu mengenai pemakanan haiwan dan seterusnya mengurangkan kadar mortaliti disebabkan oleh pemakanan haiwan.

Objektif

- Untuk memberikan khidmat kepakaran dan teknikal kepada penternak dalam tatacara makanan dan pemakanan ternakan yang teratur
- Mengenalpasti teknologi terkini mengenai pemakanan ternakan bagi diperkenalkan kepada penternak
- Memberikan khidmat nasihat mengenai kesesuaian pemakanan ternakan yang diberikan
- Menangani isu-isu semasa mengenai pemakanan ternakan.

Jenis-jenis bantuan atau insentif

- Khidmat dokongan teknikal
- Khidmat nasihat mengenai makanan & pemakanan ternakan
- Khidmat nasihat mengenai teknologi pemakanan ternakan

Syarat-Syarat mendapatkan bantuan dari Unit Makanan & Pemakanan Haiwan

Syarat-syarat:-

1. Pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam
2. Ladang yang diusahakan hendaklah berdaftar ke Jabatan Pertanian & Agrimakanan.
3. Ladang yang diusahakan hendaklah menunjukkan potensi yang tinggi didalam meningkatkan Industri Ternakan di NBD.
4. Jabatan Pertanian & Agrimakanan berhak untuk menukar atau memberhentikan skim bantuan tanpa sebarang notis pemberitahuan. Pihak Jabatan Pertanian & Agrimakanan juga

tidak akan bertanggung jawab jika berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini berkaitan dengan skim bantuan yang dipohonkan.

Proses permohonan

1. Penternak perlu memohon terus ke Bahagian Industri Ternakan, Jabatan Pertanian & Agrimakanan.
2. Bahagian Industri Ternakan akan memaklumkan permohonan tersebut ke Unit Makanan & Pemakanan Haiwan.
3. Unit Makanan & Pemakanan Haiwan akan terus menghubungi pemohon tersebut seterusnya membuat lawatan ke ladang-ladang bagi pengumpulan maklumat selanjutnya.

7. Pemeriksaan dan Penganalisan Makmal

PENGENALAN

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan berusaha membantu penternak dalam menangani isu kawalan penyakit ternakan dengan memberikan khidmat dokongan kepakaran teknikal melalui Unit Perkhidmatan Makmal Veterinar (UPMV) iaitu dengan perkhidmatan pemeriksaan dan penganalisan makmal bagi mendokong perkembangan agribisnis sector industry ternakan. UPMV terbahagikan kepada tiga sub-unit:

- Diagnostik- 6 makmal: Pato- Histopatologi, Parasitologi, Mikrobiologi Veterinar, Serologi, Klinikal Kimia dan Molekular Biologi.
- Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan – 4 makmal: Mikrobiologi, Residu Ubat-Ubatan Veterinar, Kualiti Fizikal dan Kimia
- Makanan Ternakan dan Bioteknologi: Makmal Makanan Ternakan

Pemeriksaan dan penganalisan yang dijalankan adalah mengikut prosedur dan metod yang diiktiraf antarabangsa seperti AOAC, US-FDA BAM, ISO Standard dan juga garis panduan OIE.

OBJEKTIF

- Mendokong program kawalan penyakit ternakan bagi memudahkan kegiatan pemantauan dan kawalan penyakit
- Membantu meningkatkan kualiti produk-produk pertanian dan jaminan kawalan keselamatan
- Mempastikan kandungan nutrient makanan ternakan mencukupi, tidak dicemari bahan kimia, toksin dan microbial bagi menghasilkan produk ternakan yang berkualiti.

JENIS-JENIS BANTUAN

Pada masa ini khidmat pemeriksaan dan penganalisan makmal bagi mendokong industry ternakan adalah seperti berikut:-

- Pemeriksaan patologi (*post-mortem*) ke atas haiwan / ternakan
- Pemeriksaan mikrobiologi veterineri bagi pengasingan dan pengesananbakteria (umum)
- Pemeriksaan mikrobiologi veterineri bagi '*serotyping salmonella*'
- Pemeriksaan mikrobiologi veterineri bagi pengesanan'*fungi*'
- Pemeriksaan mikrobiologi veterineri bagi '*antimicrobial susceptibility testing*'
- Pemeriksaan para sitologi
- Pemeriksaan serologi
- Pemeriksaan kimia klinikal
- Pemeriksaan biologimolekular
- Pemeriksaan ujian '*proximate analysis*'
- Pemeriksaan ujian '*mycotoxins*'
- Ujian '*major nutrients / trace elements*' dan yang berkaitan
- Ujian kualiti telur
- Penganalisan mikrobiologi (hasil ternakan)
- Penganalisan residu ubat-ubatan veterineri
- Ujian '*swab tests*' pemantauan kebersihan ke atas pusat penyembelihan & loji / premis pemprosesan

SYARAT-SYARAT BAGI MENDAPATKAN BANTUAN SIPA BAGI UPMV

- b) Perkhidmatan makmal veterineri adalah dikhaskan untuk pelanggan-pelanggan berikut:
 - i) Pemilik rumah penyembelihan
 - ii) Pemilik loji pemprosesan makanan hasil ternakan
 - iii) Pengilang pemprosesan makanan ternakan
 - iv) Peladang Ternakan / '*backyard*'
 - v) Penguatkuasa (*enforcement team*)
- c) Setiap pelanggan hendaklah mengikut kajiselidik pelanggan (*Customer Satisfaction Survey*) setiap tahun bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan makmal.
- d) Setiap pelanggan dikehendaki mematuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan oleh UPMV.

PROSES PERMOHONAN

- Pelanggan yang ingin mendapatkan perkhidmatan makmal hendaklah berdaftar dengan mengisi borang "*Testing Request Form (VLS-MS-02-01)*" dan mengikuti taklimat ringkas mengenai perkhidmatan yang diberikan.

- Bagi pelanggan yang sudah berdaftar dan ingin mendapatkan jenis ujian baru juga hendaklah mengisi borang yang tersebut di atas (VLS-MS-02-01).
- Setiap penghantaran sampel, pelanggan hendaklah mengisi borang “*Sample Receiving Form*” yang bersesuaian (VLS-MS-02-02, VLS-MS-02-03, VLS-MS-02-04 atau VLS-MS-02-05) yang boleh didapati di UPMV.
- UPMV akan meneliti borang penghantaran sampel yang telah lengkap diisi serta sampel yang dihantar hendaklah menepati garispandu yang telah ditetapkan. Kemudian, pelanggan akan diberikan resit penerimaan sampel tersebut.

8. Perkhidmatan Veterinar

Pengenalan

Perkhidmatan rawatan haiwan kesayangan dijalankan di Klinik Haiwan Kesayangan, Terunjing dimana dibuka kepada orang ramai tiga (3) kali seminggu iaitu pada hari Isnin, Rabu dan Sabtu, bermula jam 7.45 pagi sehingga 11.30 pagi. Khidmat dokongan ini diberikan kepada pemilik haiwan kesayangan dengan bayaran \$1.00 / ekor haiwan dan percuma bagi rawatan susulan, pembedahan dan pemberian ubat-ubatan. Selain daripada member khidmat rawatan dan nasihat kepada orang ramai, perkhidmatan ini juga diberikan kepada haiwan kesayangan milik VVIP secara percuma. Perkhidmatan ini berperanan member bantuan kepada pemilik haiwan merawat haiwan kesayangan mereka dan seterusnya dapat memantau jenis dan jumlah penyakit-penyakit haiwan yang dihadapi di dalam scenario tempatan (survelans penyakit).

Objektif

- Untuk memberikan khidmat kepakaran perkhidmatan veterineri kepada pemilik haiwan dalam mengenalpasti masalah penyakit.
- Memberikan saranan dan nasihat dalam penjagaan dan pemeliharaan haiwan yang teratur.
- Menolong memantau jenis dan jumlah penyakit haiwan yang telah dirawat (survelans penyakit)

Jenis-jenis bantuan atau insentif

Khidmat dokongan teknikal:

- a) Khidmat rawatan veterineri dan pemberian ubat-ubatan
- b) Khidmat nasihat penjagaan dan pemeliharaan haiwan

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut, pengusaha dan peladang bolehlah menghubungi:

Bahagian Industri Ternakan

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Ibu Pejabat Pertanian & Agrimakanan
Lapangan Terbang Lama Berakas BB3570
Negara Brunei Darussalam
Tel No: +6732388072/2388012/2388071

Unit Pengembangan Pertanian

Daerah Brunei Muara
Simpang 362, Bangunan 2,
Jalan Mulaut Limpaki
Tel No: +6732660042

Unit Pengembangan Pertanian

Daerah Tutong

Stesen Pertanian Birau,
Jalan Lamunin
Tel : +673 4221253 / 4240040

Unit Pengembangan Pertanian

Daerah Belait

Bahagian Pengembangan Pertanian
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Tel : +673 3331535 / 3230283/ 3233248

Unit Pengembangan Pertanian

Daerah Temburong

Puni Ujung Jalan
Tel : +673 5221251 / 5221203

E. Insentif Keperluan Khusus (Industri Agrimakanan)

Pengenalan

Bagi mendokong visi dan misi Jabatan Pertanian dan Agrimakanan (JPAM) yang mensasarkan jumlah hasil sektor pertanian dan agrimakanan, mencapai lebih B\$2.7 billion pada tahun 2023, peranan industri agrimakanan adalah untuk meningkatkan pengeluaran sektor agrimakanan yang mapan dan berorientasikan pasaran.

Kearah mencapai sasaran ini, JPAM melalui Bahagian Industri Agrimakanan, sedang giat melaksanakan beberapa projek – projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara, yang menjurus kepada memberikan dokongan kepada pengusaha agrimakanan tempatan dalam menghasilkan produk makanan yang berkualiti, selamat dan terjamin halal serta kompetitif bagi pasaran tempatan dan eksport.

Dalam hubungan ini, Bahagian Industri Agrimakanan telah dan sedang giat menyediakan insentif yang disasarkan kepada pengusaha kecil dan sederhana (PKS) agrimakanan, iaitu dikenali sebagai Skim Insentif Industri Agrimakanan. Skim ini adalah sebagai penggalak dan penggerak kepada PKS agrimakanan, dalam usaha untuk memajukan industri agrimakanan ke arah meningkatkan sumbangan kepada ekonomi Negara.

Objektif

- Mempercepatkan proses pemindahan teknologi pengeluaran produk agrimakanan dalam menghasilkan produk yang berkualiti, selamat dan terjamin halal serta kompetitif bagi pasaran tempatan dan eksport
- Menggalakkan PKS agrimakanan tempatan untuk bergiat aktif dalam bidang penghasilan produk agrimakanan;
- Menjana sumbangan industri agrimakanan tempatan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)
- Membuka peluang-peluang industri yang berkaitan dengan pengeluaran produk – produk agrimakanan (allied food industries)
- Membantu PKS agrimakanan tempatan dalam mengurangkan kos pengeluaran produk agrimakanan

- Meningkatkan kawalan kualiti dan keselamatan produk agrimakanan melalui khidmat dokongan teknikal seperti khidmat analisis makmal dan khidmat nasihat teknikal.

Kategori Insentif

Berikut adalah kategori-kategori insentif yang terdapat dalam Skim Insentif Industri Agrimakanan :

- 1.1. Keperluan Asas – dalam bentuk penyediaan premis / fasiliti pemprosesan dan kemudahan infrastruktur asas
- 1.2. Bahan Teknologi Pengeluaran seperti bahan pembungkusan dan label; bakul plastik ulang pakai dan sebagainya
- 1.3. Perkhidmatan Analisis Makmal
- 1.4. Perkhidmatan Dokongan Teknikal melalui khidmat nasihat, kursus, bengkel dan lawatan.

4.1. Keperluan Asas

Kategori insentif ini menawarkan kemudahan asas yang diperbantukan dalam bentuk bangunan atau premis pemprosesan makanan yang dilengkapi dengan infrastruktur asas seperti jalan masuk utama, saluran utama, bekalan air domestik, bekalan letrik, pagar, dan lain – lain.

Bangunan pemprosesan makanan tersebut dikenali sebagai Inkubator Makanan Perusahaan Kecil (IMPK), yang terletak di Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei, Kilanas. IMPK merupakan sebuah inkubator berskala kecil (dapur) yang mempunyai fasiliti pemprosesan yang moden dengan menawarkan kadar sewa yang berpatutan. Inkubator tersebut mempunyai dua kawasan pemprosesan yang digunakan bagi penghasilan produk bakeri (biskut) dan makanan tradisi. Setiap kawasan mempunyai stor, ruang penyediaan dan pemprosesan, ruang membakar / memasak dan ruang pembungkusan. Di antara mesin dan peralatan pemprosesan yang terdapat di IMPK adalah seperti berikut :

- *Dough Sheeter*
- *Encrusting Machine*
- *Packaging Machine – Sealer*
- *3 tier Baking Oven (2 unit)*
- Mesin membuat Kuih Jala

- Timbangan digital
- Pengadun (Mixer)
- Peti Sejuk Beku (Freezer)
- Peti Sejuk Dingin (Refrigerator)

Kadar sewa secara insentif dan bayaran lain yang dikenakan kepada penyewa IMPK adalah seperti berikut :

- a. Bayaran Pendaftaran (sekali sahaja) sebanyak B\$ 50.00
- b. Bayaran untuk tempahan bagi menggunakan fasiliti (Booking fee) sebanyak B\$ 50.00
- c. Penggunaan fasiliti pada kadar sewa B \$ 70.00 sehari
- d. Pembatalan tempahan hendaklah dimaklumkan dalam masa dua (2) hari, jika tidak bayaran tempahan akan tahan untuk tempahan seterusnya di masa akan datang.
- e. Denda akan dikenakan jika didapati tidak mematuhi syarat kebersihan sebanyak B\$ 50.00
- f. Bayaran bagi ganti rugi jika berlaku kerosakan mesin-mesin dan peralatan
- g. Bayaran bagi penyimpanan produk siap yang melebihi masa dengan kadar B\$2.00 sejam.

Inkubator beroperasi dari 7.15 pagi hingga 5.15 petang pada waktu hari bekerja dan kadar tempoh penyewaan adalah minima 1 hari dan maksima 4 hari bagi setiap pengusaha. Syarat – syarat kelayakan bagi memohon menggunakan IMPK adalah seperti dalam keterangan Bab 5 (syarat-syarat mendapatkan insentif).

4.2. Bahan Teknologi Pengeluaran seperti bahan pembungkusan dan label; bakul plastik ulang pakai dan sebagainya.

Bahan teknologi pengeluaran adalah bertujuan untuk merangsang peningkatan produktiviti dan kualiti hasil segar pertanian dan produk proses agrimakanan. Bahan –bahan yang diperbantukan adalah seperti yang tersenarai dibawah. Senarai barangan insentif bahan teknologi pengeluaran industri agrimakanan akan dikemaskinikan dari masa ke semasa mengikut keperluan peladang yang mengusahakan ladang buah, sayur, padi dan tanaman hiasan serta pengusaha pemprosesan agrimakanan.

4.2.1. Bahan Pembungkusan, Pelabelan dan Jenama Produk Agrimakanan.

Insentif bahan pembungkusan, pelabelan dan jenama produk agrimakanan adalah bertujuan untuk membantu pengusaha agrimakanan tempatan meningkatkan kualiti dan penampilan produk makanan yang dijual melalui penggunaan bahan / sistem pembungkusan yang sesuai dan menarik, pelabelan yang mengikut peraturan dan penggunaan jenama yang dapat menjadi daya penarik pengguna untuk membeli. Borang pesanan bagi insentif bahan pembungkusan dan label serta harga adalah seperti dalam Lampiran 1. Borang pesanan tersebut dapat diperolehi secara percuma.

4.2.2. Bakul Plastik Ulang Pakai dan Kotak kertas pakai buang bagi hasil segar pertanian.

Tujuan utama insentif bakul plastik ulang pakai ialah untuk menyediakan bahan teknologi pengeluaran yang berguna kepada peladang, pemborong dan peruncit atau mereka yang bergiat dalam pengangkutan seperti pengimport. Bakul plastik ulang pakai mempunyai kekuatan mekanik, rekabentuk dimensi yang sesuai untuk disusun tingkat, mempunyai lantai yang menghalang titisan cecair dan dinding bercorak rawa membolehkan pergerakan udara yang cukup serta tahan lama. Ianya sangat disyorkan bagi menjalankan kerja-kerja pengangkutan berulang-ulang secara rutin. Harga se unit ialah B \$10.00

Kotak kertas pakai buang juga berguna kepada peladang, pemborong dan pengeksport yang membungkus hasil segar mereka secara teratur, bersih dan selamat; dan lain-lain bahan pembungkusan bagi produk segar potong (retail packages). Penjualan kotak kertas pakai buang sedang dikaji semula dan harga jualan akan dimaklumkan kemudian.

4.3. Perkhidmatan Analisis Makmal

Kategori insentif Perkhidmatan Analisis Makmal menawarkan perkhidmatan makmal-makmal yang terdapat di bawah Bahagian Industri Agrimakanan. Di antara makmal-makmal tersebut ialah Makmal Kimia Makanan, Makmal Mikrobiologi Makanan, Makmal Penilaian Deria, Makmal Lepas Tuai, Makmal Pemprosesan Makanan dan Makmal Pembungkusan Makanan. Di dalam Skim Insentif Industri Agrimakanan, peranan utama makmal – makmal tersebut ialah menyediakan perkhidmatan teknikal dan khidmat analisis makmal di dalam pelbagai bidang sains dan teknologi makanan yang meliputi bidang lepas tuai hasil segar pertanian, pemprosesan dan pembungkusan makanan proses, pembangunan produk agrimakanan serta kawalan kualiti dan keselamatan hasil segar dan produk agrimakanan. Makmal – makmal ini juga terlibat dalam penubuhan program jaminan dan kawalan kualiti untuk membantu industri makanan dan pertanian tempatan dalam menghasilkan produk makanan yang selamat dan bermutu tinggi.

Untuk mendapatkan perkhidmatan analisis makmal, pemohon adalah dikehendaki untuk mengisikan Borang D, D2 (Analisis Mikrobiologi Makanan), D4 (Analisis Kimia Makanan) dan

D5 (Analisis Makmal Lepas Tuai), mengikut jenis perkhidmatan makmal yang diperlukan . Pada masa ini, bayaran sebanyak \$1.00 akan dikenakan bagi setiap satu jenis produk untuk satu jenis analisis sahaja, iaitu semasa menghantar Borang D (Lampiran 2), manakala Borang D2, D4 dan D5 adalah percuma. Walaubagaimana pun, kadar bayaran ini akan disemak semula untuk mengambil kira bayaran aktiviti-aktiviti analisis yang dijalankan di masa akan datang.

4.3.1. Makmal Analisis Mikrobiologi Makanan (Borang D dan D 2 – Lampiran 3) :

Analisis kadar bilangan bakteria untuk mengetahui tahap kebersihan dan keselamatan produk agrimakanan (Tempoh TPOR 18 hari bekerja).

a. Analisa fizikal :

- i. pH
- ii. Jumlah Pepejal Larut ($^{\circ}$ Brix)
- iii. Keaktifan Air (a_w)
- iv. Kelikatan (consistency)

b. Analisa mikrobiologi :

- i. Jumlah hitungan plat
- ii. Hitungan *Coliform*,
- iii. *Escherichia coli*
- iv. *Staphylococcus aureus*
- v. *Salmonella spp.*,
- vi. Bakteria asid laktik
- vii. Hitungan yis dan kulat
- viii. Lain – lain bakteria

4.3.2. Makmal Analisis Kimia Makanan (Borang D dan D 4 – Lampiran 4) :

Analisis komposisi nutrien makanan bagi tujuan pelabelan produk, persijilan sirim dan ujian kualiti (Tempoh TPOR 21 hari bekerja)

- i. Kandungan Lembapan
- ii. Protin
- iii. Jumlah Lemak
- iv. Serat Pemakanan
- v. Abu
- vi. Jumlah Karbohidrat dengan kaedah pengiraan
- vii. Tenaga dengan kaedah pengiraan (kalori)
- viii. Zat galian

4.3.3. Makmal Lepas Tuai (Borang D dan D 5 – Lampiran 5)

a. Memberikan Khidmat Sainifik Analisis Fizikal (Tempoh TPOR 5 hari bekerja)

Skop analisis fizikal termasuk ukuran-ukuran pH, saiz, warna, *titrable acidity*, *total soluble solid*, *sweetness* dan lain-lain secara satu per satu (individually).

b. Memberikan Khidmat Sainifik Analisis Fisio-Kimia (Tempoh TPOR 39 hari bekerja)

Skop analisis fisio-kimia termasuk penetapan kematangan seperti hari menuai padi; keselamatan, kualiti dan gred padi/beras/sayur/buah; program pemantauan bagi skim pengiktirafan dan lain-lain yang mungkin melibatkan khidmat analisis daripada makmal-makmal lain.

c. Memberikan Khidmat Kejuruteraan Mekanikal (Tempoh TPOR 14 hari bekerja)

Skop perkhidmatan termasuk ukuran-ukuran persekitaran seperti humidity, suhu penyimpanan/pemasakan; keadaan/status peralatan seperti coolroom atau sistem pengendalian di premis-premis pemohon; dan lain-lain yang berkaitan dengan peralatan mudah sistem pengendalian dan penyimpanan hasil segar.

d. Memberikan Khidmat Kejuruteraan Infrastruktur (Tempoh TPOR 21 hari bekerja)

Skop perkhidmatan termasuk ukuran-ukuran bangunan dan kawasan seperti rumah pembungkusan, stor dan lain-lain; keadaan/status fasiliti; dan lain-lain yang berkaitan dengan infrastruktur dan fasiliti pengendalian dan penyimpanan hasil segar.

4.4. Perkhidmatan Dokongan Teknikal melalui khidmat nasihat, kursus, bengkel dan lawatan.

Bahagian Industri Agrimakanan menyediakan khidmat dokongan teknikal melalui penyebaran maklumat, khidmat nasihat dan konsultasi mengenai hal-hal yang berhubungkait dengan kualiti dan keselamatan hasilan segar dan juga produk proses agrimakanan. Disamping itu, khidmat nasihat dan konsultasi mengenai bidang perniagaan seperti pelan perniagaan dan pemasaran juga turut diberikan untuk membimbing PKS agrimakanan untuk lebih berdaya saing dan kompetitif di pasaran tempatan dan luar negara.

Unit-unit di bawah Bahagian Industri Agrimakanan sedang giat melaksanakan program peningkatan teknologi pengeluaran produk agrimakanan primer dan sekunder seperti penerapan amalan-amalan baik dalam teknologi pengeluaran khususnya *Good Hygiene Practices*, *Good Manufacturing Practices*, *Good Agriculture Practices* dan sebagainya.

5. Syarat-syarat Mendapatkan Insentif

5.1. Syarat – syarat bagi mendapatkan keperluan asas (Inkubator Makanan Perusahaan Makanan):

- i. Pemohon mestilah berdaftar dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan melalui Unit Perkhidmatan Agrimakanan, Bahagian Industri Agrimakanan. Pemohon adalah dikehendaki untuk mengisikan dengan lengkap Borang Pendaftaran Pengusaha Agrimakanan di Unit berkenaan. Borang dan proses pendaftaran adalah percuma;
- ii. Pemohon mestilah berdaftar dan mempunyai lesen pendaftaran perniagaan 16 & 17 atau lesen sendirian berhad yang sah
- iii. Pemohon hendaklah menghantar Borang Data Penghasilan Produk Tambah Nilai setiap bulan kepada Unit Perkhidmatan Agrimakanan, Bahagian Industri Agrimakanan;
- iv. Pemohon dikehendaki mengisi borang permohonan IMPK (Lampiran 6) yang telah disediakan dengan lengkap, Surat Perjanjian Penyewaan (Lampiran 7) dan menyertakan dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan. Borang Permohonan IMPK adalah diberi secara percuma.

5.2. Syarat–syarat bagi mendapatkan bahan teknologi pengeluaran seperti bahan pembungkusan dan label; bakul plastik ulang pakai dan sebagainya, adalah seperti berikut :

5.2.1. Syarat-Syarat Bagi Mendapatkan Skim Insentif Pembungkusan, Pelabelan dan Jenama Produk Agrimakanan

- i. Pemohon mestilah terdiri dari pengusaha Agrimakanan tempatan dan terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- ii. Pemohon mestilah mempunyai lesen perniagaan Bab 16 dan 17 dan hendaklah bergiat dalam perusahaan makanan yang sah berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
- iii. Pemohon mestilah berdaftar dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Pemohon adalah dikehendaki untuk mengisikan dengan lengkap Borang Pendaftaran Pengusaha Agrimakanan yang boleh didapati di Unit Perkhidmatan Agrimakanan, Bahagian Industri Agrimakanan, Kilanas.
- iv. Untuk skim insentif pembungkusan, pelabelan atau jenama khusus, pemohon mestilah mempunyai label makanan yang mengikut keperluan dalam Warta Kerajaan – Perintah Darurat (Kesihatan Awam) Makanan, 1998 dan Peraturan-Peraturan

Kesihatan Awam (Makanan), 2001, Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam; sijil analisa makanan yang sah diiktiraf, kod palang produk (bar code) yang disahkan oleh agensi yang diiktiraf dan Sijil Halal dan Label Halal yang dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei, Jabatan Syariah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

- v. Bagi produk untuk pasaran atau promosi keluar negara, pemohon adalah layak bagi memohon insentif bagi kategori Pembungkusan, Pelabelan dan Jenama Khusus atas nama syarikat atau koperasi kepunyaan pemohon.
 - vi. Bayaran setiap pembelian adalah secara tunai.
 - vii. Pemohon hendaklah terlebih dahulu memeriksa semua pembelian bahan insentif sebelum meninggalkan kaunter penyerahan/penerimaan. Sebarang kerosakkan keatas bahan insentif hendaklah dilaporkan dengan segera kepada kakitangan yang bertugas. Laporan kerosakkan keatas bahan insentif selepas meninggalkan kaunter penyerahan/penerimaan tidak akan dilayan.
 - viii. Semua bahan insentif tidak boleh dijual oleh mana-mana pengusaha kepada pengusaha lain atau orang ramai. Pengusaha yang didapati menyalahgunakan skim insentif untuk tujuan mengambil keuntungan dari penjualan bahan insentif, maka kedua-dua pihak (pengusaha) yang terlibat akan digugurkan dari menggunakan Skim Insentif Pertanian dan Agrimakanan (SIPA).
- 5.2.2. Syarat –syarat bagi mendapatkan bakul plastik ulang pakai dan kotak kertas pakai buang bagi hasilan segar pertanian.
- i. Pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.
 - ii. Pengusaha mestilah berdaftar dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dengan mengisikan Borang Pendaftaran Mendapatkan Bantuan (Insentif) Input Pertanian (Borang A) yang boleh didapati di Unit Kemajuan Pertanian di Daerah masing-masing, dan menyertakan bayaran \$ 1.00 untuk tempoh pendaftaran satu tahun. Borang pendaftaran tersebut adalah seperti dalam Lampiran 8.
 - iii. Projek atau perusahaan hendaklah dalam kawalan Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan iaitu Tapak Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP & KPLB). Walau bagaimanapun kawasan tanah TOL atau EDR (syarat pertanian) yang dimajukan dengan aktiviti pertanian oleh perseorangan atau sekumpulan peladang akan dipertimbangkan mengikut sokongan Jabatan.

- iv. Ladang yang diusahakan hendaklah berdaya maju, bersistem, pengurusan yang baik dan pengeluaran yang berterusan yang mana memenuhi ciri-ciri penilaian dan pemantauan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.
- v. Mana-mana pengusaha yang didapati menyalahgunakan Skim Insentif yang diberikan selain daripada untuk digunakan pada ladang pemilik atau menyalahi proses mendapatkannya seperti menjual kepada pengusaha lain, maka kedua-dua pihak terlibat akan dengan sendirinya digugurkan daripada daftar mereka yang layak untuk mendapatkan Skim Insentif Industri Agrimakanan.

5.3. Syarat – syarat bagi mendapatkan perkhidmatan analisis makmal dan perkhidmatan dokongan teknikal melalui khidmat nasihat, kursus, bengkel dan lawatan.

- i. Pemohon mestilah berdaftar dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan melalui Unit Perkhidmatan Agrimakanan, Bahagian Industri Agrimakanan;
- ii. Pemohon mestilah berdaftar dan mempunyai lesen pendaftaran perniagaan 16 & 17 atau lesen sendirian berhad yang sah;
- iii. Pemohon hendaklah menghantar Borang Data Penghasilan Produk Tambah Nilai setiap bulan kepada Unit Perkhidmatan Agrimakanan, Bahagian Industri Agrimakanan

6. Tatacara Proses Permohonan

- 6.1. Tatacara proses permohonan bagi menyewa fasiliti Inkubator Makanan Perusahaan Kecil adalah seperti dalam Lampiran 9.
- 6.2. Tatacara proses permohonan untuk mendapatkan bahan teknologi pengeluaran seperti bahan pembungkusan dan label; bakul plastik ulang pakai dan sebagainya adalah seperti dalam Lampiran 10.
- 6.3. Tatacara proses permohonan untuk mendapatkan perkhidmatan analisis makmal adalah seperti dalam Lampiran 11.
- 6.4. Tatacara proses permohonan untuk perkhidmatan dokongan teknikal melalui khidmat nasihat, kursus, bengkel dan lawatan adalah seperti dalam Lampiran 12.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut, pengusaha dan peladang bolehlah menghubungi:

Unit Pembangunan Industri Agrimakanan

Bahagian Pembangunan Industri Agrimakanan
Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei,
Kilanas.

Tel No: +6732670754 / 2670764

Unit Pengembangan Pertanian

Daerah Tutong

Tel No: +673 4221253/ 4240004

Unit Pengembangan Pertanian

Daerah Temburong

Tel No: +673 5221251 / 5221203

Unit Pengembangan Pertanian

Daerah Brunei Muara

Simpang 362, Bangunan 2,
Jalan Mulaut Limpaki

Tel No: +6732660042

Unit Pengembangan Pertanian

Daerah Belait

Tel No: +673 3331535 / 3230283